



● BIL 303 ● 28 FEBRUARI - 6 MAC 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



WILAYAHKU
mengucapkan

*Selamat Menyambut
Ramadan*

Elakkan **PEMBAZIRAN MAKANAN**

di
bulan **Ramadan** ➤ 2-3

**Pembangunan
semula KL**
➤➤ 6

**Rumah idaman pertama,
tercapai dengan MBSB Bank**
➤➤ 15

**Scammer
di tanah suci?**
➤➤ 16

Guna pakai konsep cukup, bukan berlebihan

RAMADAN adalah bulan yang mengajar kita erti kesederhanaan, tetapi ironinya, jumlah pembaziran makanan meningkat mendadak.

Punca pembaziran dikaitkan dengan membeli makanan secara berlebihan di bazar Ramadan, memasak terlalu banyak kerana keinginan berlebihan (nafsu) selepas seharian berpuasa dan tidak menyimpan lebih makanan dengan baik, menyebabkan makanan cepat rosak.

Menurut Pakar Dietetik Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA, **Profesor Dr Sakinah Harith**, bagi mengelakkan pembaziran, juadah yang disediakan perlulah dirancang menggunakan konsep cukup, bukan lebih.

“Kita perlu mengetahui hidangan makanan yang hendak dimakan semasa berbuka puasa dan sahur lebih awal, membuat senarai keperluan makanan sebelum membeli secara sistematik, iaitu dengan mengambil makanan mengikut keperluan kuantiti saranan pemakanan

yang diperuntukkan dalam sehari, bukan mengikut nafsu semata-mata.

“Menentukan kuantiti makanan yang betul bukan sahaja mengelakkan pembaziran tetapi dapat memastikan tubuh mendapat zat makanan yang cukup dalam sehari. Jangan dilupa, konsep ‘suku, suku, separuh’ juga perlu diamalkan ketika berpuasa.



SAKINAH

“Satu per empat ($\frac{1}{4}$) pinggan adalah karbohidrat kompleks seperti nasi, oat, roti gandum penuh atau ubi keledek. Seterusnya $\frac{1}{4}$ pinggan lagi adalah protein berkualiti seperti ayam tanpa kulit, ikan, daging tanpa lemak

atau kekacang dan $\frac{1}{2}$ pinggan pula adalah sayur-sayuran dan buah-buahan yang kaya dengan serat dan vitamin,” kata beliau.

Tambahnya pemilihan makanan yang betul ketika waktu bersahur juga membantu mengekalkan tenaga sepanjang hari di mana makanan tersebut perlu terdiri daripada karbohidrat, protein, lemak dan air.

“Minum air yang secukupnya untuk mengelakkan dehidrasi. Anggaran tenaga yang perlu diambil semasa bersahur adalah antara 450 hingga 550 kalori sementara waktu yang terbaik untuk bersahur adalah sekurang-kurangnya setengah jam sebelum masuk waktu Imsak.

“Amalan bersahur adalah penting untuk mengekalkan tenaga sepanjang hari. Kajian menunjukkan bahawa individu yang bersahur mempunyai tenaga yang lebih stabil dan kurang mengalami keletihan berbanding mereka yang tidak bersahur.

“Justeru fungsi bersahur adalah dapat menstabilkan kadar gula dalam darah di mana makanan tinggi serat dan protein membantu mengelakkan keletihan awal; mencegah dehidrasi dengan pengambilan air kosong yang secukupnya dan makanan berair seperti sup dapat membantu badan kekal terhidrat,” katanya.

Jelas beliau rasa lapar yang melampau dapat dikurangkan dengan mengambil makanan yang seimbang semasa bersahur seterusnya dapat mengelakkan keinginan untuk makan berlebihan ketika berbuka.

Menyentuh tentang amalan berdiet

ketika bulan Ramadan, Sakinah berkata penurunan berat badan boleh terjadi jika mengamalkan defisit kalori sebanyak 500 kalori daripada saranan keperluan tenaga dalam sehari.

“Antaranya dengan pemakanan seimbang yang memfokuskan pada makanan rendah kalori tetapi tinggi nutrien, mengawal saiz hidangan dengan mengelakkan makanan berlemak tinggi, bergula dan goreng yang boleh meningkatkan kalori tanpa memberikan rasa kenyang yang lama.

“Pastikan hidrasi yang baik dengan minum air kosong secukupnya sepanjang waktu berbuka hingga sahur untuk mengelakkan dehidrasi yang boleh memperlambatkan metabolisme.

“Selain itu, senaman sebelum berbuka puasa dapat membantu penurunan berat badan antaranya dengan melakukan senaman ringan seperti berjalan atau *stretching* selain selepas berbuka pula, digalakkan melakukan senaman yang lebih intensif seperti latihan kekuatan selama 30 hingga 45 minit.

“Jenis senaman yang boleh dilakukan antaranya berjalan laju, *squat*, tekan tubi dan yoga,” katanya. 🧘

Aplikasi teknologi beri manfaat kepada yang memerlukan

REMEAL KEKANG PEMBAZIRAN

LAPORAN: AINI MAWAWI, SERIMAH SALLEHUDDIN, METRA SYAHRIL MOHAMED

MALAYSIA mencatatkan jumlah pembaziran makanan tertinggi berbanding negara maju lain berdasarkan kajian dilakukan beberapa tahun lalu.

Kadar pembaziran makanan lazimnya meruncing setiap kali bulan Ramadan, apabila hampir setiap tempat mempunyai bazar Ramadan yang menawarkan pelbagai jenis juadah.

Secara kasar, setiap individu menyumbang kira-kira 259.82 kilogram kepada pembaziran makanan dan negara kita menyaksikan pelupusan sehingga 17,000 tan sisa makanan setiap hari.

Namun sebahagian besar daripada sisa berjumlah 4,005 tan (24%) masih boleh dimakan.

Melihat trend pembaziran itu mendorong sekumpulan anak muda membangunkan satu aplikasi yang dikenali sebagai ReMeal bagi mengekang pembaziran makanan.

Di Malaysia, aplikasi seperti ini mungkin masih baru tetapi ia sudah lama wujud di luar negara seperti Too Good to Go yang dilancarkan di Eropah pada 2015.

Aplikasi itu kemudian memasuki Amerika Syarikat pada 2020 dan berjaya menyelamatkan lebih 300,000 makanan sehari daripada berakhir di tapak pelupusan.

Tanpa kita sedari kecanggihan teknologi mempunyai banyak manfaat sekiranya diaplikasikan ke arah yang betul.

Pengasas bersama ReMeal, **Wan Emir Astar Wan Mohamad Khairil Anuar** berkata ReMeal tercetus



BANYAK makanan yang masih elok terbuang begitu sahaja dan dari situ ReMeal tampil sebagai penyelesaian melalui rakan strategik iaitu restoran dan kedai makan serta peniaga.

daripada kesedaran terhadap masalah pembaziran makanan yang semakin kritikal di Malaysia.

“Setiap hari beribu-ribu tan makanan dibazirkan, sedangkan masih ramai yang memerlukan.

“Masalah ini menjadi lebih ketara dalam industri makanan dan minuman (F&B), di mana banyak makanan yang masih elok akhirnya terpaksa dibuang.

“Saya dan pengasas bersama melihat ini sebagai satu peluang untuk menggunakan teknologi

dalam menangani isu yang malarat ini, dengan harapan ia boleh memberi manfaat kepada masyarakat, perniagaan dan alam sekitar,” katanya.

Selain Wan Emir, ReMeal turut dipelopori Falah Hamidi, Nur Syafiah dan Anis Suffian.

Menurut Wan Emir ReMeal berfungsi sebagai ‘digital marketplace’ yang menghubungkan perniagaan makanan seperti restoran, bakeri, pasar raya, mahupun hotel dengan pengguna

yang ingin mendapatkan makanan lebih berkualiti pada harga lebih rendah.

Makanan yang ditawarkan dalam aplikasi itu juga katanya masih dalam keadaan baik tetapi tidak boleh dijual pada harga asal disebabkan faktor seperti lebih stok atau tarikh luput yang hampir.

Mengambil masa setahun untuk dibangunkan iaitu pada 2023 dan dilancarkan secara rasmi pada Mei tahun lalu, ReMeal kini mempunyai 16 stor yang aktif dengan lebih 40



lagi vendor dijangka menyertai mereka serta mencatatkan lebih 24,752 pengguna aplikasi.

“Sejak dilancarkan, kami menerima sambutan yang sangat positif daripada pengguna dan rakan niaga.

“Banyak restoran dan kedai makan yang ingin mengurangkan pembaziran tetapi tidak mempunyai saluran yang sesuai sebelum ini,” katanya.

Sempena Ramadan, Wan Emir tidak menafikan ia satu cabaran besar dalam isu pembaziran makanan terutama di bazar.

Katanya pembaziran makanan yang berlaku pada bulan Ramadan juga menjadi salah satu pencetus kepada pembangunan ReMeal.

“Pada Ramadan ini kami akan menjalinkan kerjasama dengan MYSaveFood di mana ReMeal berperanan sebagai bantuan digital.

“Ini dapat menggalakkan lebih ramai sukarelawan turut serta dalam usaha ini dengan membantu mengagihkan lebih makanan kepada komuniti memerlukan,” katanya. 🍴



DENGAN kos sara hidup yang semakin meningkat, semua pihak perlu bersederhana dan tidak boros dalam berbelanja terutama ketika bulan Ramadan.

LAPORAN KHAS

86,766.29 tan makanan terbuang ketika Ramadan

TAK UBAH SEPERTI 'PESTA MAKAN'

TERDAPAT dalam kalangan umat Islam menjadikan waktu berbuka puasa tidak ubah seperti suasana 'pesta makan'.

Demikian ditegaskan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), **Mohideen Abdul Kader** melihat kepada jumlah makanan yang dibazirkan, kemudiannya dilupuskan di tapak pelupusan iaitu sebanyak 86,766.29 tan sepanjang Ramadan 2023.

Malah tegas beliau masyarakat seolah-olah mengubah bulan puasa kepada 'bulan makan'.

"Disebabkan terlalu banyak makanan yang dihidangkan, kebanyakannya tidak termakan dan akhirnya terbuang begitu sahaja.

"Pembaziran seumpama ini amat dilarang oleh Islam dan menyalahi konsep Ramadan itu sendiri," katanya kepada Wilayahku.

Katanya sepanjang pemerhatian CAP, kebanyakan lebih makanan yang dibuang adalah nasi, pasta, daging, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Beliau menambah purata pembaziran ketika Ramadan adalah 15 hingga 20 peratus (%) lebih tinggi berbanding pada bulan-bulan lain.

"Hasil tinjauan ke atas restoran dan hotel-hotel yang menganjurkan

bufet Ramadan mendapati pemilik restoran mendedahkan bahawa kira-kira 5 hingga 10% makanan yang dimasak tetapi tidak dapat dijual dibuang begitu sahaja setiap hari.

"Pada masa yang sama, 10 peratus makanan yang dipesan oleh pelanggan, tidak habis dimakan juga turut dibuang. Sepanjang Ramadan umat Islam digalakkan memakan makanan yang berkhasiat semasa berbuka dan bersahur serta ditegah daripada melakukan pembaziran.

"Tetapi malangnya masih ramai daripada kita yang memasak terlalu banyak hidangan atau dengan jalan paling mudah membeli pelbagai juadah makanan dan minuman yang banyak dijual di pasar dan bazar Ramadan," katanya.

Menurut Mohideen sikap yang lebih pentingkan untuk menjamu selera menyebabkan kesucian Ramadan sebagai bulan ibadat tidak berkesan, tidak dapat dihayati dengan sempurna.

Katanya, sikap lahap dan berlebih-lebihan ketika makan serta pembaziran yang berlaku pada setiap kali tibanya Ramadan merupakan sesuatu yang menyedihkan.

Ramadan jelas beliau sepatutnya menjadi madrasah sebagai latihan bagi mendidik umat Islam bersederhana, berjimat cermat, tidak boros serta berhemah ketika berbelanja.

"Akan tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya apabila masyarakat sanggup berbelanja besar dengan beraneka juadah makanan ketika tibanya waktu untuk berbuka puasa.

"Dengan kos sara hidup semakin meningkat umat Islam digalakkan berjimat cermat dan bersederhana dalam perbelanjaan dan pemilihan juadah berbuka puasa agar tidak berakhir dengan pembaziran.

"Elakkan penyediaan juadah berbuka berlebihan, membazir dalam membuat persiapan Aidilfitri. Sebagai umat Islam, tidak perlulah kita berlebih-lebihan, bermewah-mewah," katanya.

Beliau juga menegaskan peringatan Allah SWT bahawa orang yang membazir adalah bersaudara dengan syaitan.

"Umat Islam perlu kembali kepada amalan mulia ketika Ramadan. Antaranya berpuasa bukan berpesta, berhemah bukan membazir, mengutamakan amalan kerohanian bukan kebendaan, yang lebih penting menahan diri, bukan mengikut nafsu," katanya.

Bagi mengurangkan pembaziran makanan jelasnya adalah digalakkan untuk diberikan kepada asnaf, gelandangan dan juga bank makanan (*food bank*).

Rancang bajet kewangan

UMAT Islam dinasihatkan supaya merancang bajet kewangan dengan baik bagi mengelakkan pembaziran pada bulan Ramadan.

Pendakwah, **Abdul Halim Abdul Hafidz** atau dikenali sebagai Ustaz Halim mencadangkan setiap individu mengehakkan perbelanjaan harian seperti RM15 sehari untuk membeli makanan.

Katanya jika sebelum ini belanja makanan sebanyak RM500, sepatutnya perbelanjaan pada Ramadan itu tidak melebihi daripada hari biasa.

"Katakan kita nak belanja makan untuk 30 hari pada Ramadan dan pendapatan orang itu RM5,000. Jumlah untuk tempoh 30 hari jangan berlebihan. Biasa belanja RM500 bila Ramadan lebih pula. Kena ada had. Sekali pergi bazar Ramadan mungkin belanja hadkan RM15 sehari. Kalau lebih, berhenti beli dulu.

"Kalau ada benda lain nak beli, fikirkan esok pula. Sebab bila lapar nafsu membeli kuat," katanya.

Menurut Halim cara lain untuk elak pembaziran adalah mengetahui siapa pihak yang akan memakan juadah dibeli.

Beliau berkata kadang-kadang makanan berlebihan kerana membeli menu juadah yang sama antara dalam satu keluarga.

"Adakalanya isteri balik kerja singgah dan masing-masing iaitu suami juga beli menu sama. Jadi bertembung beli menu juadah puasa, rugi," katanya.

Dalam pada itu, Halim berkata cara lain untuk elak pembaziran melalui kaedah dengan membuat peruntukan nisbah infaq.

Katanya, seperti setiap pembelian RM10 makanan, mesti infaq RM3.

"Jadi ini salah satu cara nak kawal daripada berbelanja berlebihan. Jika belanja lebih RM10 jadi perlu infaq lebih RM3," katanya.

Sementara itu, katanya orang yang membazir itu merupakan saudara kepada syaitan.

Beliau berkata bulan Ramadan adalah masa untuk dekatkan diri kepada Allah SWT dan tujuan berpuasa adalah menginsafi orang susah dan miskin.

"Tiba-tiba bila buka puasa kita bermewah. Makan banyak-banyak. Semasa puasa kita bagus hayati orang miskin. Tetapi apabila waktu makan benda itu tak tepati dan menjadi rosak," katanya.

Menurut beliau bagi badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin memberi bantuan makanan, mereka perlu merancang supaya tidak bertembung beramai-ramai dalam satu masa.

Katanya jika merancang waktu dan hari, bantuan makanan itu dapat dielakkan daripada berlaku pembaziran.



ABDUL HALIM



Selamat Menjalani Ibadah Puasa

KEPADA SEMUA WARGA KUALA LUMPUR

Ikhlas daripada



PELABUR ASING YAKINI EKONOMI NEGARA

KECOH dalam kalangan netizen tentang isu kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bijak mengurus ekonomi apabila dikatakan ramai pelabur asing menjual pegangan saham mereka dalam negara.

Terdapat segelintir netizen mempertikai kecekapan Perdana Menteri menangani isu ini sehingga mereka menyindirnya dengan lagu yang menuduhnya hanya pandai bersembang kosong dan cuba menipu rakyat.

Hakikatnya, rakyat perlu tahu bahawa apa yang disampaikan beliau adalah benar dan disokong oleh data yang cukup meyakinkan.

Anwar berkata jumlah peratusan pegangan pelabur asing dalam pasaran modal di Malaysia berada pada tahap 19.4 peratus setakat Januari 2025.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan pegangan pelabur asing dalam pasaran modal negara kekal pada tahap 19 peratus sejak 2023 dengan mencatatkan 19.5 peratus dan bertambah kepada 19.7 peratus pada akhir 2024.

"Januari 2025 masih 19.4 peratus, jadi (penurunan kecil) itu tidak menggambarkan (kekurangan) keyakinan kepada ekonomi negara," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini.



ANWAR memberikan penegasan mengenai ekonomi negara ketika sidang Dewan Rakyat baru-baru ini.

Bukan itu sahaja Anwar berkata firma penyelidikan bagi ekuiti global seperti Nomura Global Market Research, JP Morgan dan HSBC juga telah menaikkan taraf pengesyoran mereka bagi saham syarikat awam.

Perdana Menteri menjelaskan pelaburan asing ke dalam negara secara keseluruhan turut mencatatkan peningkatan seperti yang dilihat bagi tempoh sembilan bulan pertama pada tahun lepas.

"Saya harus ingatkan kita kena lihat keseluruhannya, iaitu kenyataan bahawa (tempoh) sembilan bulan pertama keluaran dalam negeri kasar (KDNK) masih

menggalakkan.

"Nilai pelaburan dalam (tempoh) sembilan bulan pertama 2024 naik 10.7 peratus ketimbang (berbanding) pada tempoh sama 2023, ini kenaikan yang agak besar," katanya.

Dalam pada itu, Anwar menyatakan bahawa pasaran bon turut menunjukkan aliran bersih positif.

"Setakat tahun ini aliran bersih bon dari pelabur luar ialah RM1.55 bilion. Ini kalau dia tak yakin orang tak hantar masuk dalam sistem ini RM1.55 bilion," kata beliau.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa perkara yang

penting bagi beliau adalah tentang kadar pertumbuhan, peningkatan pelaburan dan kekuatan ringgit.

"Ini sebenarnya petanda dari segi *fundamental* walaupun masalahnya seluruh dunia. Terutama dengan beberapa keputusan Presiden Donald Trump baru-baru ini yang menjejaskan Eropah, Kanada, Mexico, China, Latin Amerika dan Afrika keseluruhannya," kata beliau.

Kenyataan Perdana Menteri cukup membuktikan beliau tidak bersembang kosong sebaliknya penuh dengan fakta tentang pelaburan dalam negara yang semakin meningkat. 📌

RUU PSB tidak ancam B40

TULAR dalam media sosial apabila kerajaan dituduh cuba mengambil kesempatan untuk merampas rumah rakyat menerusi Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (RUU PSB).

Lebih teruk, ada yang menuduh kerajaan sengaja mahu 'menghalau' bangsa Melayu yang tinggal di kawasan bandar agar berpindah ke kawasan luar bandar.

Ada saja tuduhan-tuduhan tidak berasas yang sengaja mahu menimbulkan kemarahan orang Melayu.

Contohnya di Pulau Pinang, RUU PSB merupakan salah satu inisiatif yang baik dan efektif untuk membangunkan semula bangunan lama atau bangunan terbengkalai.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, **H'ng Mooi Lye** berkata melalui inisiatif ini kerajaan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup pemilik di kawasan tersebut.

Menurutnya kerajaan negeri Pulau Pinang melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mewujudkan Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (Pembangunan Perumahan) Pulau Pinang pada tahun 2022.

"Tujuan garis panduan ini

diwujudkan adalah kerana terdapat sebahagian unit-unit kediaman lama telah mencapai usia melebihi 40 tahun di Pulau Pinang.

"Usia bangunan tersebut telah menyebabkan kemerosotan integriti struktur dan lebih memburukkan keadaan adalah masalah semasa tapak dari aspek fizikal, sosial dan pengurusan.

"Dengan pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (Pembangunan Perumahan) Pulau Pinang ini, kerajaan negeri berhasrat untuk meningkatkan kualiti persekitaran dan berdaya huni, mengoptimalkan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti, mengoptimalkan penggunaan tanah dan sebagainya," katanya.

Di peringkat Pulau Pinang, Mooi Lye berkata kerajaan negeri telah meluluskan beberapa projek perintis Pembaharuan Semula Bandar di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik yang akan dilaksanakan oleh LPNPP.

Jelasnya sehingga suku pertama

tahun 2025, sebanyak lima projek telah dikenal pasti melibatkan 6,837 unit kediaman sedia ada.

"Di bawah projek tersebut, pemilik kediaman sedia ada akan mendapat unit gantian yang lebih luas dan selesa dilengkapi dengan kemudahan masyarakat serta tempat letak kenderaan berbanding dengan unit asal yang kecil (247 hingga 500kps) tanpa tempat letak kenderaan.

"Unit gantian ini akan diberikan secara percuma," katanya.

Antara Projek Pembaharuan Semula Bandar adalah flat di Mahsuri (Bayan Lepas), Padang Tembak dan Taman Free School di bahagian pulau, manakala di Seberang Perai pula melibatkan Flat Taman Siakap dan rumah pangsa Mak Mandin.

Dalam pada itu, Mooi Lye berkata inisiatif yang diambil oleh KPKT adalah untuk memastikan Projek-Projek Pembaharuan Semula Bandar dapat dilaksanakan dengan lancar serta menjaga hak dan kepentingan pemilik asal yang terlibat dalam projek pembaharuan.

Katanya, akta tersebut juga

digubal berdasarkan keperluan mewujudkan badan kawal selia dan badan pelaksana bagi mentadbir pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar serta meningkatkan sumber ekonomi baharu bagi kawasan bandar.

"Usaha kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan akta ini bukanlah mudah kerana ia perlu mengambil kira kekangan perundangan sedia ada dan pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar ini juga perlu mendapatkan persetujuan pemilik hartanah terlibat melalui perundingan dan bukan secara paksaan.

"Kerajaan negeri amat berterima kasih kepada kerajaan Persekutuan yang telah mengambil inisiatif ini dan kerajaan negeri akan memberi sokongan penuh kepada KPKT.

"Kerajaan negeri juga ingin menegaskan bahawa RUU PSB tidak akan meminggirkan, mengancam atau merampas hak golongan tertentu berdasarkan kaum atau pendapatan khususnya golongan B40," jelasnya.

Selain itu, beliau berkata pelaksanaan PSB juga perlu mendapatkan persetujuan pemilik hartanah terlibat melalui perundingan dan bukan secara paksaan. 📌

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

17/2 - 16/4/25: Pameran Mengenang Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya @ Jabatan Muzium Malaysia

20/3 - 24/3/25: KL Mega Raya Fest @ KL BASE

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

28/2 - 30/3/25: Festival Ramadan Putrajaya 2025 @ PPJ

1/3/25: Program Mantai Putrajaya @ Kompleks Kejiranan Presint 11

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan



LABUAN

1/2 - 28/2/25: Bulan Tanpa Denda @ Perpustakaan Awam Labuan

22/4 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Sila lapor polis, DBKL - Zaliha

MANA-MANA pihak yang mempunyai maklumat atau golongan peniaga yang ditawarkan pihak tertentu untuk membeli lesen tapak bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri dengan harga tertentu boleh melaporkan kepada polis supaya siasatan dijalankan.

Jaminan itu disuarakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** ketika diminta mengulas mengenai aktiviti berkenaan yang dilakukan menerusi kumpulan WhatsApp yang menyasarkan golongan peniaga dengan niat untuk mengaut keuntungan atas angin.

Jelas Zaliha pihaknya turut membuka peluang seluas-luasnya kepada orang awam mengajukan aduan kepada Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) supaya proses siasatan dapat dijalankan.

"Sila kemukakan laporan kalau ada kepada kita (DBKL) pun boleh, kepada polis pun boleh, kerana kita juga ada KL Strike Force yang bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain supaya tindakan yang tegas boleh diambil dengan segera sekiranya ia benar berlaku.

"Orang ramai diseru bekerjasama dengan kita jika betul mengetahui tentang perkara-perkara sebegini boleh kemukakan aduan tersebut kepada pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi sidang media selepas Media Brief Bazar Ramadan & Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di ibu negara pada Rabu.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Indera Noridah Abdul Rahim dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Beliau berkata sehingga kini DBKL tidak mendapat laporan daripada mana-mana pihak dan individu berhubung dakwaan yang mengatakan wujud aktiviti menjual semula petak bazar dan lesen perniagaan yang telah diberikan kepada pemohon.

"Setakat ini DBKL memang tidak menerima aduan mengenai perkara itu, tetapi jika ada aduan dan kita dapati benar berlaku kita akan mengambil tindakan yang tegas kepada kedua-dua, iaitu pemberi lesen dan menerima lesen dengan cara yang tidak betul," katanya. 



ZALIHA mahu semua pihak membuat aduan jika ada yang ditawarkan beli tapak lesen tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri dengan harga tertentu.

Garis panduan Pembangunan Semula Kuala Lumpur SELARAS KONSEP 4P

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sedang merangka garis panduan komprehensif bagi pelaksanaan pembangunan semula Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata ia akan menggariskan pendekatan bersepadu yang selari dengan konsep 4P iaitu - *Public, Private, People, Partnership*.

"Berlandaskan kepada konsep 4P ini saya percaya akan dapat membantu untuk mentransformasi Kuala Lumpur ke arah bandar yang lebih mampan, berdaya tahan, berdaya huni dan disayangi oleh semua.

"Garis panduan ini bukan sekadar dokumen rujukan, tetapi satu panduan utama yang memastikan setiap inisiatif pembangunan semula di Kuala Lumpur dilaksanakan secara terancang, mampan dan memberi manfaat kepada semua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapatama Persidangan MyKadaster 2025 berkenaan 'Pelan Pelaksanaan Pembangunan Semula Kuala Lumpur' anjuran Persatuan Juruukur Tanah Bertaualiah Malaysia (PEJUTA) di ibu negara.

Maimunah menyatakan Kuala Lumpur telah melalui pelbagai fasa pembangunan yang menekankan pemulihan kawasan bandar, peningkatan kualiti hidup serta kemampanan ekonomi dan alam sekitar.

"Contoh kejayaan seperti pembangunan semula Razak Mansion dan Residensi Kerinchi menunjukkan bagaimana strategi pembangunan semula



MAIMUNAH ketika melawat pameran selepas menyampaikan ucapatama Persidangan MyKadaster 2025.

mampu meningkatkan taraf kehidupan penduduk serta mengoptimalkan penggunaan tanah di ibu kota," katanya.

Maimunah berkata melalui peranan sektor awam (*Public*), dasar dan peraturan yang jelas akan disediakan bagi memacu pembangunan yang seimbang.

"Sektor swasta (*Private*) pula akan menjadi rakan strategik dalam merealisasikan projek-projek inovatif yang berimpak tinggi.

"Sementara itu, penglibatan masyarakat (*People*) adalah amat penting untuk memastikan pembangunan semula ini mengambil kira keperluan dan aspirasi warga kota.

"Akhir sekali, menerusi kerjasama strategik (*Partnership*) antara semua pihak berkepentingan, kita dapat membentuk ekosistem pembangunan yang lebih holistik dan lestari," katanya.

Menurut Datuk Bandar, sebagaimana sedia maklum, berdasarkan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040),

sebanyak 139 lokasi telah dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi dan diberi keutamaan untuk projek pembangunan semula di Kuala Lumpur.

"Selain itu, mana-mana tapak lain yang memenuhi kriteria serta syarat-syarat bagi tapak pembangunan semula sebagaimana yang digariskan juga layak dipertimbangkan untuk insentif yang ditawarkan," katanya.

Dalam konteks 15 Program Perdana DBKL, Maimunah berkata perancangan pembangunan semula juga diintegrasikan dengan inisiatif seperti Kuala Lumpur Smart City Master Plan, di mana teknologi digital digunakan dalam pemetaan tanah dan pengurusan bandar untuk meningkatkan kecekapan serta keterlibatan rakyat dalam perancangan bandar.

"Program Perumahan Mampu Milik pula memastikan pembangunan semula turut memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat

bagi memastikan tidak ada yang terpinggir dalam arus pemodenan bandar," katanya.

Jelas beliau, DBKL turut memperkukuh daya tahan bandar dengan pelaksanaan Pelan Iklim dan Peralihan Tenaga Kuala Lumpur, bagi memastikan pendekatan hijau dalam pembangunan aset DBKL sebelum diperluaskan kepada sektor swasta menjelang 2026.

"Kami juga telah menggandakan usaha menangani banjir kilat dengan menaik taraf infrastruktur perparitan, kolam takungan dan rumah pam, sejajar dengan keperluan untuk melindungi bandar dari kesan perubahan iklim," katanya.

Beliau berkata melalui agenda inklusif, Program Kita Untuk Kita (K2K) yang dibangunkan bersama Think City akan memperkasakan lebih 600,000 warga perumahan awam dan rakyat melalui penambahbaikan kemudahan, pelaburan dalam pendidikan serta peningkatan peluang pekerjaan. 

Rancang atasi kesesakan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan syarikat konsesi lebuh raya merangka beberapa langkah drastik menangani kesesakan kritikal di Jalan Tun Razak.

Ini berikutan purata 4,000 kenderaan sejam melalui jalan tersebut menerusi Data Trafik dari Kuala Lumpur Command & Control Centre (KLCCC).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata tindakan segera diambil termasuk menambah baik aliran trafik di beberapa persimpangan utama serta membina laluan alternatif bagi mengurangkan beban di Jalan Tun Razak.

"Kenderaan dari Jalan Ampang, Jalan Pahang, Jalan Sungai Besi dan Jalan Bukit Bintang semuanya bertumpu ke Jalan Tun Razak untuk meneruskan perjalanan ke Setapak, Jalan Kuching dan Lebuhraya Sultan Iskandar menyebabkan kesesakan serius," katanya di Dewan Rakyat.

Menurut Zaliha antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak berkuasa termasuk penambahbaikan aliran trafik di persimpangan kritikal seperti Jalan Pahang-Jalan Tun Razak-Jalan Pekeliling Lama (Hub Titiwangsa), pertembungan Jalan Tun Razak (hadapan IJN) serta persimpangan Jalan Tun Razak-Bulatan Jalan Pahang.

"Selain itu kerajaan merancang untuk melebarkan Jambatan Jalan Tun Razak-Lebuhraya Sultan Iskandar bagi menambah lorong dan melancarkan aliran kenderaan dan pembinaan susur terus ke Lebuhraya DUKE 2 dari Jalan Tun Razak tanpa perlu melalui Bulatan Pahang, yang sering menjadi punca utama kesesakan," katanya.

Jelasnya selain tindakan segera, DBKL menjalankan kajian kesesakan trafik di Jalan Tun Razak dengan kerjasama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS).

"Data trafik dikumpulkan dan cadangan penambahbaikan akan diperincikan sebelum dilaksanakan bagi memastikan langkah yang diambil benar-benar berkesan.

"Pendekatan menyeluruh ini diharapkan dapat mengurangkan kesesakan di kawasan strategik ini, sekali gus memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya terutama pesakit dan pengunjung ke IJN serta HKL," katanya. 

BERKHIDMAT sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Yang Berhormat (YB) **TENGGU ZULPURI SHAH RAJA PUJI** turut aktif dalam politik nasional.

Dipilih memegang jawatan Timbalan Setiausaha Agung DAP, beliau tidak terlepas memerhatikan senario politik semasa yang melingkari isu-isu melibatkan dalam Kerajaan Perpaduan.

Mahu semua pihak bertindak matang, beliau mengingatkan parti-parti dalam pentadbiran kerajaan supaya tidak saling menyerang antara satu sama lain.

Bercakap kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau juga mengakui parti-parti tersebut perlu kerap bertemu dan berbincang dalam mencari penyelesaian terbaik terhadap sesuatu isu yang timbul.



TENGGU ZULPURI (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan dan penyerahan kereta bomba daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang kepada Pengerusi Sukarelawan Bomba Taman Amalina Lestari, Raub, Pahang.

Sebagai antara pemimpin Melayu dalam DAP, bagaimana YB melihat perkembangan parti itu khususnya dalam mendepani keraguan terhadap ideologi perjuangannya?

Sebagai salah seorang pemimpin Melayu dalam parti DAP, tugas meyakinkan persepsi keraguan ideologi perjuangan DAP bukanlah satu perkara yang mudah atau senang.

Orang Melayu sudah biasa dengan agama dan bangsanya, lebih-lebih jika bercakap soal pengalaman sejarah dijajah serta isu berkaitan Islam.

Tetapi ini semua bukanlah satu penghalang untuk saya membuka minda mereka kepada ideologi parti walaupun mengambil masa dan beberapa pendekatan perlu dilakukan.

Sekarang ia banyak positif, tapi DAP kena kerja kuat lagi dalam melahirkan golongan pemimpin cendekiawan DAP Melayu.

Namun dalam dua ke tiga isu baru-baru ini menampakkan sisi perbezaan, adakalanya saling menyerang-menyerang, antara DAP dan UMNO. Apakah ia sihat pada pandangan YB?

Sebenarnya berbeza pendapat itu adalah amalan baik dalam sistem sosial demokrasi. Cumanya ada perbezaan di antara kerajaan dan pembangkang.

Jika dalam kerajaan mestilah dalam saluran tertentu untuk meluahkan pendapat yang berbeza demi kebaikan bersama.

Apa yang berlaku akhir-akhir ini saya melihat satu perkembangan yang tidak baik, tidak matang dan tidak sihat. Jika dilihat dari naratif yang berlaku, ia mempunyai agenda yang tertentu yang boleh kita agak, sepatutnya parti di dalam kerajaan tidak perlu menyerang satu sama lain.

Selalunya ketika pertikaian berlaku sesama parti dalam Kerajaan

JANGAN SALING SERANG SATU SAMA LAIN

Perpaduan, tentunya YB ada cadangan bagi menambah baik perpaduan kalangan anggota kerajaan itu sendiri?

Pertikaian atau pendapat yang berbeza yang tidak melibatkan dasar, sebenarnya tiada masalah, ia perlu didebatkan secara profesional dan terbuka serta rasional.

Kecuali yang melibatkan dasar atau isu sensitif atau 3R (agama, bangsa dan institusi diraja), sepatutnya dibincangkan dalam *pre-council* bukan depan orang awam. Ini menunjukkan kita ada kesepaduan.

Dalam hal ini pemimpin parti wajib tegur pemimpin seperti dalam mesyuarat mereka sendiri, tidak perlu untuk menjadi hero atau untuk menjadi juara atau cuba *demand* jawatan tertentu untuk menutup mulut.

Biasanya pihak atasan akan berbincang sesama dalam Kerajaan Perpaduan semoga masalah ini dapat diselesaikan dari dalam.

Bagaimana pula dengan perjalanan Kerajaan Perpaduan di Pahang? Apakah ia berjalan dengan baik atau ada ruang-ruang untuk ditingkatkan semangat serta penyatuannya?

Alhamdulillah Kerajaan Perpaduan di Pahang bertambah baik walaupun masih ada perkara-perkara yang masih belum selesai. Sebagai sebuah parti yang pernah menjadi kerajaan di zaman Pakatan Harapan (PH) sebelum ini, ia banyak memberi pengajaran dan pengalaman untuk mentadbir Pahang mahupun negara. Pihak PH cuba memahami permasalahan dalaman yang dialami

parti-parti lain supaya kerjasama ini kekal. Parti-parti ini kena banyak mengadakan pertemuan dan berbincang bersama supaya banyak perkara yang boleh selesai.

Biarpun begitu, pihak di sebelah sana sering melaungkan keyakinan untuk merampas Pahang dalam pilihan raya akan datang. Atas dasar apa YB rasakan keyakinan itu perlu disangkal?

Biasalah kerja pembangkang untuk melemahkan kerajaan semasa, sama ada cara sihat (debat dalam dewan) atau buat fitnah tanpa fakta untuk meyakinkan rakyat bahawa mereka boleh mentadbir.

Jika kita lihat sejarah Perikatan Nasional (PN) memerintah (32 bulan), indah khabar dari rupa.

Naratif kaum dan agama sengaja dimainkan bagi menutup ruang-ruang kelemahan mereka dalam membina ekonomi dan negara ke arah kecemerlangan.

Mereka cuba membawa naratif masing-masing apabila gagal dalam mentadbir negeri-negeri yang mereka kuasai dengan menyalahkan Kerajaan Pusat dan memainkan isu-isu menakutkan orang Melayu seperti negara telah dikawal oleh DAP.

Hakikatnya isu agama dan bangsa adalah mainan mereka untuk menutup kelemahan-kelemahan yang ada.

Baru-baru ini di dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, YB ada menyuarakan mengenai pembinaan institusi warga emas. Seberapa seriusnya Kerajaan Negeri perlu memandang

apa yang YB suarakan itu?

Ia adalah proses biasa kerana jika kita lihat Selangor lebih ke depan dalam menangani masalah pertambahan warga emas. Jika kita lihat dari statistiknya, warga emas yang terbiar meningkat dan ketidakpedulian masyarakat pun meningkat.

Persediaan memfokuskan kepada isu itu perlu dan kita kena belajar dari negara maju dalam menangani permasalahan ini.

Pandangan YB mengenai penghijrahan anak muda ke Lembah Klang untuk mencari pekerjaan? Apakah ia serius di Pahang atau sebaliknya? Atau sektor pekerjaan di Pahang masih stabil untuk anak muda berbanding mereka perlu berhijrah ke Lembah Klang khususnya Kuala Lumpur?

Penghijrahan anak muda ke Lembah Klang adalah pilihan mereka sendiri. Sebenarnya banyak peluang pekerjaan disediakan kerajaan negeri yang tidak direbut oleh anak tempatan.

Ini mungkin dipengaruhi oleh budaya yang lebih sofistikated serta terlalu memilih kerja yang membuatkan anak muda memilih di sana (khususnya Kuala Lumpur).

Di Pahang banyak peluang pekerjaan disediakan dalam bidang perindustrian mahupun pertanian. Saya menyarankan kerajaan negeri supaya membuat iklan dan penerangan serta kesedaran yang lebih proaktif lagi.

Bagaimana YB melihat lonjakan Projek Laluan Rel Pantai Timur

(ECRL) kepada sektor ekonomi di Pahang?

ECRL ini sebenarnya banyak memberi impak kepada negeri pantai timur khususnya Pahang. Sektor pelancongan akan berkembang kerana kemudahan yang cepat dan sistematik.

Dari segi ekonomi, ia memudahkan dari segi pengangkutan barang serta penumpang dengan harga yang lebih kompetitif untuk bersaing.

Kerajaan perlu membina lebih banyak infrastruktur yang baik bagi pelabur.

Pada pandangan YB, benarkah kebebasan bersuara semakin memburuk di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI ketika ini seperti digembar-gemburkan parti lawan?

Saya rasa kebebasan bersuara tidak disekat malah saya melihat Kerajaan Perpaduan ini terlalu berlembut. Jika kita lihat banyak fitnah dan isu 3R dilontarkan oleh pihak lawan secara terang-terangan. Ini ditambah dengan serangan *cybertroopers* yang tidak ditangani oleh pihak kerajaan dengan cepat dan berkesan.

Pendapat YB apabila ada yang mengatakan Kerajaan MADANI kerajaan sepenggal?

Insyaa-Allah saya yakin apa yang Kerajaan Perpaduan buat ini banyak kebbaikannya kepada semua lapisan rakyat. Saya tak nampak kerajaan sepenggal tetapi boleh terus kekal beberapa penggal lagi jika sikap integriti dapat diteruskan. 

Demi kepentingan rakyat

FERI LABUAN-KK BAKAL BEROPERASI

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN MADANI komited menyelesaikan isu perkhidmatan feri ekspres antara Labuan dan Kota Kinabalu bagi memastikan kemudahan itu kembali beroperasi demi kepentingan rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata perkara itu antara agenda utama yang dibincangkan dalam kunjungan hormat delegasi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor di Menara Kinabalu, Sabah.

"Perkhidmatan feri itu bukan sahaja menjadi penghubung utama antara kedua-dua wilayah tetapi turut memainkan peranan penting dalam merencanakan ekonomi setempat.

"Ketua Menteri Sabah menyambut baik cadangan ini dan kedua-dua pihak komited untuk menyelesaikan isu ini dengan segera bagi memastikan kemudahan tersebut dapat kembali beroperasi dalam masa terdekat," katanya selepas Majlis Kunjungan Hormat di Menara Kinabalu pada Isnin.

Zaliha berkata dalam pertemuan itu, kepentingan sektor pelancongan sebagai pemacu ekonomi Labuan turut diberi perhatian, termasuk perancangan penganjuran acara bertaraf antarabangsa bagi menarik lebih ramai pelancong dan meningkatkan daya saing industri berkenaan.

"Antara program utama yang dirancang adalah Labuan International Sea Challenge (LISC) pada April 2025 dan Borneo Flora Festival (BFF) pada Julai 2025, dengan



ZALIHA dan delegasi Jabatan Wilayah Persekutuan ketika mengadakan pertemuan dengan Hajiji di Menara Kinabalu, Sabah.

sasaran kehadiran lebih 50,000 pengunjung. "Acara seperti ini bukan sahaja merencanakan sektor pelancongan, malah berupaya memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat, selain membuka lebih banyak peluang kepada usahawan dan pemain industri di Labuan dan Sabah," katanya.

Sementara itu, status semasa Projek Jambatan Labuan-Menumbok yang dilihat sebagai pemangkin dalam meningkatkan aksesibiliti serta integrasi ekonomi antara Labuan dan Sabah turut dibincangkan

dalam pertemuan berkenaan.

Zaliha berkata, kunjungan hormat itu mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan Labuan terus menjadi keutamaan sebagai pusat ekonomi yang berdaya saing dan mampan.

"JWP akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang dapat direalisasikan demi manfaat rakyat serta kesejahteraan Wilayah Persekutuan secara menyeluruh," katanya. 

Perkukuh diplomasi budaya

BERSEMPENA Kepengerusan ASEAN 2025, Balai Seni Negara memaparkan koleksi hadiah karya seni dari negara anggota ASEAN serta ASEAN+6 termasuk Korea Selatan, Jepun, China dan India.

Balai Seni Negara dalam kenyataan memaklumkan Pameran Hadiah Dari ASEAN itu mempamerkan 33 karya seni yang dihimpunkan kepada Malaysia antara 1960 hingga 2009.

Menurutnya, pameran itu menekankan peranan seni dalam memperkukuh diplomasi budaya serta menyokong aspirasi ASEAN 2025 dalam mempromosikan perpaduan dalam kepelbagaian.

"Setiap karya yang dipamerkan bukan sekadar hasil seni malah menjadi simbol hubungan erat antara negara-negara ASEAN dan rakan serantau.

"Ia mencerminkan warisan budaya yang dikongsi bersama, sekali gus menyumbang kepada perkembangan seni visual di peringkat antarabangsa," katanya.

Jelas Balai Seni Negara, pameran itu memperkukuh peranan Malaysia sebagai pusat budaya dan diplomasi serantau, dengan memaparkan keindahan serta kepelbagaian seni negara-negara anggota.

"Sebagai tuan rumah bagi ASEAN 2025, Malaysia sentiasa komited menyediakan platform yang menggalakkan pertukaran seni, menonjolkan nilai-nilai bersama serta memperkukuh hubungan sejarah yang telah lama terjalin.

"Karya-karya yang dipamerkan bukan sahaja dilihat mampu untuk memperkaya naratif seni, tetapi menggambarkan kepelbagaian tradisi dan perkembangan seni kontemporari yang pesat di rantau ini," katanya.

Tamabahnya pameran yang julung kali diadakan itu menghimpunkan karya-karya seniman terkemuka dari Malaysia termasuk Lim Nan Seng, Mii bin Awas, Aw Eng Kwang, Chang Yong Chia, Amir B. Tadok, Ahmad B. Kassim, Linggam dan Abil B. Manan.

Indonesia pula menampilkan karya Nurdian Ichsan sementara Singapura dengan karya Ahmad Abu Bakar dan Thomas Cheong Kah Ho.

Hadiah Dari ASEAN turut menampilkan karya Suebpong Powthai, Supphaka Palprame, Sayumporn Kasornsuwan dan Wanna Thitamma dari Thailand; Akito Morino, Keiichi Ito, Hideo Matsumoto dan Masakazu Hoki (Jepun); Myung-Ah Lee, Ui Sun Joung, Dong-Hoi Kim, Dae-Soo Lee, Han-Won Lee, Byung-Ho Seo, Bok-Ja Won, Sun-Woo Park, Chung-Hwi Cho, Byoung-Kwoun Park dan Young-Shick Kwon (Korea); Zheng Ning (China) serta Gurjinder Kaur dan Goutam Das dari India.

"Orang ramai dijemput untuk mengunjungi Balai Seni Negara dan menerokai naratif seni yang terdapat dalam pameran yang dibuka setiap hari sehingga 31 Julai bermula pukul 9 pagi sehingga 5 petang.

"Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my," katanya. 

Naik taraf hidup warga kota



ABDUL BASIR (empat dari kiri) bersama kakitangan KWSP Kuala Lumpur.

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) menyertai sesi libat urus bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) baru-baru ini untuk membincangkan peluang kerjasama strategik di antara kedua-dua pihak.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimihamed**, kerjasama itu akan memberi manfaat kepada masyarakat khususnya dalam aspek kesejahteraan sosial dan

perancangan kewangan.

Abdul Basir berkata antara program yang telah disusun adalah Program Kesedaran Kewangan dan Simpanan Persaraan serta Pelaburan Sosial dan Infrastruktur.

"Bagi Program Kesedaran Kewangan dan Simpanan Persaraan, ia adalah untuk meningkatkan pemahaman individu mengenai pengurusan kewangan peribadi, kepentingan simpanan jangka panjang dan persediaan untuk persaraan.

"Ia akan diadakan di Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) bermula Mei sehingga September ini di mana golongan sasaran adalah B40 dan juga pekerja gig," katanya.

Jelasnya Skim Pembelian Rumah menggunakan Akaun 2 KWSP dengan sokongan subsidi YWP merupakan inisiatif yang membolehkan pencarum KWSP menggunakan simpanan dalam Akaun 2 mereka untuk membiayai pembelian rumah pertama, dengan tambahan subsidi daripada YWP bagi meringankan beban kewangan pembeli.

"Seterusnya Pelaburan Sosial dan Infrastruktur oleh KWSP merujuk kepada inisiatif pelaburan yang memberi manfaat ekonomi serta kesejahteraan sosial kepada rakyat Malaysia, selaras dengan mandat dana persaraan ini untuk menjana pulangan mampan jangka panjang.

"Dengan menyeimbangkan keuntungan kewangan dan impak sosial, KWSP memastikan pelaburan ini memberi manfaat kepada pencarum sambil menyumbang kepada pembangunan negara secara menyeluruh," jelas beliau.

Tambahnya, YWP turut meneroka peluang untuk bekerjasama bagi program-program berkaitan pendidikan yang merupakan fokus utama pihaknya. 



Bil 303 . 28 FEBRUARI - 6 MAC 2025

Kanak-kanak dan 'jerat' media sosial

►►10-11



MEDIA SOSIAL BARAH KEHIDUPAN GENERASI MUDA, JEJAS KESEJAHTERAAN HIDUP

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

Di sebalik kerancakan perkembangan teknologi khususnya media baharu yang turut merangkumi platform media sosial, kebimbangan kanak-kanak menjadi mangsa pelbagai bentuk eksploitasi kian mendapat perhatian.

Tidak dapat dinafikan kanak-kanak dan media sosial sukar

untuk dipisahkan, lebih-lebih lagi apabila penggunaan peranti semakin meningkat ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 melanda.

Namun manfaat capaian maklumat tanpa had serta komunikasi tanpa halangan

mahupun dunia tanpa sempadan melalui platform media sosial tentunya mempunyai cabaran atau 'harga yang perlu dibayar'.

Antaranya isu buli siber dalam kalangan kanak-kanak, eksploitasi seksual seperti pedofil, penipuan dalam talian dan pelbagai lagi yang menggusarkan ibu bapa serta masyarakat secara keseluruhannya.

Menurut Pakar Perunding Kanak-Kanak, **Dr Hieu Yu Jin**, pemilikan akaun media sosial oleh kanak-kanak di bawah usia 13 tahun akan mendedahkan mereka kepada kerencaman dan kecelaruan maklumat sekali gus memberi kesan terhadap perkembangan minda golongan itu.

"Pendedahan terlalu awal kepada media akan meningkatkan risiko kanak-kanak terpengaruh dengan elemen yang mungkin tidak sesuai dengan kategori umur mereka.

"Selain itu, ketagihan terhadap penggunaan gajet atau media sosial dalam kalangan kanak-kanak juga boleh memberi impak kepada perkembangan otak dan tumbesaran," katanya.

Yu Jin memberitahu bahawa kanak-kanak di bawah umur 13 tahun cenderung untuk menjadi



YU JIN

kurang responsif kepada keadaan sekeliling.

Berdasarkan kajian katanya ketagihan ini menjadikan interaksi mereka dengan keluarga dan rakan semakin berkurangan.

"Mereka juga tiada kemahiran interaksi sosial yang bersesuaian dengan umur mereka,

malah mungkin terdapat kelewatan terhadap perkembangan tingkah laku. Mereka akan bertindak tanpa berfikir dengan mengikut trend ekstrem tular yang dimuat naik oleh pengengaruh di media sosial.

"Ini secara tidak langsung akan memberi impak kepada kesihatan mental dan fizikal mereka. Jadi amat wajar untuk beberapa konten yang mudah didapati di dalam gajet atau media sosial ditapis mengikut kesesuaian umur lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak di bawah umur 13 tahun," katanya.

Beliau berkata kanak-kanak dan remaja sebenarnya menjadi golongan fasa umur yang dianggap rapuh serta paling mudah terdedah kepada pengaruh negatif media sosial meskipun ia merupakan platform penting dalam kehidupan harian.

"Oleh itu, pihak kerajaan perlu berbincang mengenai kaedah pelaksanaan dan penguatkuasaan

had umur minimum pemilikan akaun media sosial yang sebenarnya selari dengan saranan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Komunikasi mengenai isu pemilikan akaun media sosial kanak-kanak," katanya.

Selain itu, Yu Jin berkata dengan memperkenalkan had umur minimum, media sosial dapat membantu dalam melindungi kanak-kanak dan remaja daripada ancaman penipuan dalam talian, gangguan seksual, *sexting* dan buli siber, sekali gus memberi ruang untuk berkembang dalam persekitaran lebih selamat serta terkawal.

"Ia juga dapat membantu dalam mencegah akses generasi muda kepada kandungan tidak sesuai, termasuk berunsurkan keganasan dan seksual yang dapat memastikan perkembangan sihat serta positif.

"Ini sebenarnya dapat memberi peluang kepada individu untuk meningkatkan kesedaran digital dan kematangan sebelum terbabit secara aktif dalam dunia media sosial hingga dapat membuat keputusan lebih baik dalam penggunaan media sosial, selain mendorong pembangunan kemahiran kritis dan kematangan digital.

"Malah dalam keadaan dunia sekarang yang terdedah kepada risiko gangguan kesihatan mental, penggunaan media sosial terkawal

TIADA MEDIA SOSIAL UNTUK BAWAH 13 TAHUN



Ibu bapa diingatkan agar memastikan **anak yang berusia bawah 13 tahun tidak memiliki sebarang akaun media sosial.**



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) **berhak menutup akaun media sosial pemilik bawah 13 tahun.**

Kanak-kanak tersebut boleh terlibat pelbagai risiko yang wujud seperti:

- Maklumat palsu
- Scam
- Buli siber
- Interaksi bahaya
- Penipuan kewangan
- Pangantunan seksual
- Kemudaratan lain dalam talian



dan dipantau dapat membantu dalam perkembangan psikososial generasi muda,” katanya.

Menurut Yu Jin kanak-kanak yang terdedah kepada kandungan seperti ini didapati mudah terpengaruh untuk terjerumus dalam aktiviti tidak bermoral sebagai contoh aktiviti seksual bersama rakan sebaya dan di bawah umur, sekali gus membuktikan bahaya kandungan yang tidak dikawal serta kurangnya panduan keselamatan untuk kanak-kanak.

“Ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak semakin membimbangkan apabila golongan

itu sering menghabiskan masa yang berlebihan di media sosial sehingga mengganggu proses pembelajaran seterusnya merencat pembangunan sosial.

“Kes-kes ini menunjukkan bahawa kanak-kanak bukan sahaja memerlukan bimbingan tetapi juga sokongan emosi berterusan bagi mengurangkan impak negatif oleh media sosial yang boleh merosakkan kesihatan mental mereka.

“Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) juga pernah menerima aduan kes buli siber yang tragis melibatkan seorang kanak-kanak yang menjadi mangsa

buli berterusan, yang akhirnya membawa kepada kemurungan dan masalah kesihatan mental yang kronik,” katanya buli siber juga boleh mengundang kepada kematian seperti yang berlaku kepada pempengaruh media sosial, A. Rajeswary atau dikenali sebagai Esha sebelum ini.

BERGANDING BAHU MAIN PERANAN

DALAM masa sama beliau berkata ibu bapa juga digalakkan untuk mengaktifkan tetapan ‘parental control’ semasa anak mereka diberi kebenaran untuk menggunakan gajet.

“Ini bukan untuk mengongkong kebebasan mereka tetapi untuk menghadkan akses orang di luar sana kepada mereka. Kita tak tahu mungkin ada orang dewasa yang sedang berbual dengan mereka di dalam talian.

“Selain itu, perlu ada pemantauan dari semasa ke semasa. Lebih baik jika penggunaan media sosial ini hanya dilakukan di rumah sahaja supaya pemantauan dapat dilakukan dengan lebih dekat.

“Kita perlu nasihatkan mereka jangan berbual berlebih-lebih dengan orang tidak dikenali, perlu juga hadkan pendedahan konten dewasa,” katanya.

Menurutnya kanak-kanak itu berisiko untuk mendapat isu psikologi seperti kemurungan, kebimbangan, gangguan perhatian defisit hiperaktif (ADHD) dan gangguan tabiat pemakanan seperti anoreksia nervosa.

“Mereka juga akan mula terdedah dengan penyakit fizikal seperti obesiti, rabun jauh dan masalah pendengaran. Ia juga memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik mereka iaitu terdapat kelewatan dalam pembelajaran dan kemahiran sosial.

“Ada kebarangkalian mereka akan guna gajet pada waktu yang sama apabila melakukan kerja rumah. Ini kerana kanak-kanak kebiasaannya gemar untuk ‘multitask’ ataupun melakukan



pelbagai kerja serentak, jadi secara tidak langsung memberi kesan pada prestasi sekolah mereka,” katanya.

Yu Jin berkata pihak kerajaan perlu memberi pendidikan dan kesedaran kepada pengguna mengenai kepentingan had umur pemilikan media sosial melalui kempen kesedaran awam, pengumuman di platform media sosial dan penyediaan sumber pendidikan mengenai kesan negatif penggunaan media sosial berlebihan.

“Dalam hal ini, semua pihak berkepentingan perlu bekerjasama termasuk kerajaan, industri, pakar kesihatan mental dan masyarakat untuk memastikan pendekatan holistik serta berkesan dalam mengendalikan isu berkaitan penggunaan media sosial dalam kalangan golongan muda.


“Penguatkuasaan undang-undang perlu diperkenalkan untuk memperkukuh pelaksanaan

dan penguatkuasaan had umur pemilikan media sosial, termasuk dengan mengenakan denda kepada platform media sosial yang tidak mematuhi peraturan serta memperkenalkan undang-undang boleh memberikan implikasi kepada kesalahan maklumat palsu.

“Dengan mempertimbangkan aspek ini dan mengambil langkah sesuai, pelaksanaan dan penguatkuasaan had umur pemilikan media sosial dapat dilakukan, sekali gus memberi perlindungan lebih baik kepada generasi muda daripada risiko dan ancaman penggunaan media sosial tidak terkawal.

“Realitinya penguatkuasaan had umur minimum dapat melindungi keselamatan dan kesejahteraan generasi muda dalam era digital ini, sekali gus menjadi langkah proaktif yang dapat membantu dalam membentuk persekitaran maya lebih selamat, bertanggungjawab dan sihat,” katanya.

APA YANG REMAJA LAKUKAN DI MEDIA SOSIAL?




55%

Remaja memberikan maklumat peribadi kepada individu yang tidak dikenali, termasuk memberikan gambar dan gambaran fizikal diri mereka.



29%

Remaja menjadi mangsa dihempas atau cuba dihubungi oleh individu yang tidak dikenali.



34%

Hanya 34% ibu bapa yang memeriksa kandungan media sosial anak mereka.



29%

Remaja telah memuat naik maklumat yang salah, gambar yang memalukan dan menyebarkan lawak tidak baik mengenai seseorang.



24%

Menyebarkan maklumat peribadi atau memalukan tanpa kebenaran.



22%

Remaja telah mengalami ‘cyberpranked’.

Sambut baik usaha MCMC

DALAM memperkukuh keselamatan dalam talian dan menyediakan ruang digital yang lebih selamat, Kementerian Komunikasi telah memulakan Jelajah Kempen Keselamatan Dalam Talian, yang digerakkan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Dilaksanakan di lebih 10,000 sekolah dan semua universiti awam seluruh negara, antara fokus utama kempen adalah kanak-kanak di bawah usia 13 tahun tidak dibenarkan untuk memiliki akaun media sosial di mana penggunaan Internet perlu di bawah pengawasan



NOOR HARYANA

ibu bapa atau penjaga. Menyambut baik usaha tersebut, **Noor Haryana Pazim@Fadzim**, 45, berkata sebagai ibu bapa, dia amat bersetuju dengan garis panduan tersebut.

“Anak-anak di bawah 13 tahun ini cara pemikirannya masih kurang

matang dan mereka juga mudah terpengaruh dengan rakan sebaya. “Jadi untuk penggunaan Internet terutamanya media sosial adalah perlu dipantau oleh ibu bapa kerana orang dewasa lebih tahu apa yang baik dan kesan di setiap keputusan.

“Tambahan pula kita tahu bahawa media sosial ini banyak

impak negatif berbanding positif terhadap kanak-kanak sebagai contoh tahap kesihatan akan mudah merosot terutama pada kognitif daya fokus, penglihatan, mobiliti dan tingkah laku sosial. Perubahan paling ketara adalah anak-anak akan mengalami perubahan daripada sikap serta emosi,” katanya yang juga merupakan Pengetua Tadika Jambatan Merah, Sungai Merab.

Noor Haryana berkata ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam mengatasi masalah sosial akibat daripada penggunaan media sosial.

“Cara saya mungkin sukar dipersetujui oleh ibu bapa zaman sekarang iaitu hanya satu telefon bimbit sahaja disediakan untuk mereka tahu perkembangan terkini berkaitan sekolah.

“Selain itu saya juga meletakkan syarat masa dan jenis filem untuk ditonton bersama. Tiada sebarang password (kata laluan) dan hanya aplikasi tertentu sahaja dibenarkan,” katanya.

Merupakan ibu kepada lapan orang anak, Noor Haryana berkata anak-anaknya banyak didedahkan dengan aktiviti outdoor serta sensory base berbanding telefon bimbit dan televisyen.

“Saya tidak menghalang mereka untuk mengikuti trend yang tular di media sosial tetapi saya akan terangkan semula kebaikan dan keburukan perkara tersebut.

“Latihan ini mengambil masa dan memerlukan kesabaran namun hasilnya insya-Allah berkesan,” jelasnya.

Berkongsi pandangan sama, **Aiman Muhammad**, 31, berkata

garis panduan tersebut adalah demi kebaikan bersama.

“Sebenarnya tiada keperluan untuk mereka mempunyai media sosial sendiri. Adalah lebih baik jika di usia mereka itu didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh merangsang pertumbuhan dan lebih fokus terhadap pelajaran.

“Mereka merupakan bakal pemimpin masa depan semestinya kita mahu ia daripada golongan bijak pandai dan bukan hanya mereka yang mengejar trend di media sosial semata-mata.

“Selain itu, penggunaan media sosial di bawah umur juga akan meningkatkan risiko jenayah pedofilia kerana kita tidak tahu manusia jenis apa yang menggunakan media sosial di luar sana,” katanya yang merupakan bapa kepada dua orang anak.



LABUAN INTERNATIONAL SUPER NOVICE 4X4 CHALLENGE 2025



AM HALIM

1 ST Labuan International Super Novice 4x4 Challenge 2025 tarik penggemar sukan lasak di Borneo sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan peringkat Labuan, berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 15 Februari 2025.

Kejohanan berkenaan dianjurkan oleh Kelab Pacuan Empat Roda Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan, pihak NGO antaranya pasukan Mesilou Volunteer Club (MEVOC) dan Sabah Four Wheel Drive Association (SFWDA) serta agensi kerajaan.

Sepanjang kejohanan itu, para peserta masing-masing menunjukkan kehebatan dan kecekapan pemanduan, serta kekuatan jentera lasak apabila terpaksa memandu melepasi halangan seperti tebing bukit dan

kawasan yang berlumpur, menamatkan tujuh disiplin yang perlu diharungi dengan merekodkan masa terpanjang di setiap disiplin yang ditetapkan.

Cabaran kejohanan yang berlangsung di Trek Sukan Lasak 4x4 Kiansam, Labuan itu menyaksikan aksi lasak 40 buah kenderaan membabitkan 80 peserta kelab pacuan empat roda dari Sabah, Sarawak, Labuan dan Brunei. 





Usaha membasmi kemiskinan bandar

SABAH TINGGI, PUTRAJAYA 0.1%

METRA SYAHRIL MOHAMED

WILAYAH Persekutuan Putrajaya mencatatkan kadar kemiskinan bandar yang paling rendah iaitu pada kadar 0.1 peratus.

Demikian data dikongsikan Ketua Perangkawan, **Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin** kepada Wilayahku dengan Kuala Lumpur pula berada pada kadar 1.4 peratus.

Ia berdasarkan data terkini iaitu pada 2022, negeri yang mencatatkan kadar kemiskinan bandar tertinggi adalah Sabah dengan kadar 13.9 peratus. Ini diikuti oleh Kelantan (11.6%) dan Sarawak (8.3%).

Perbezaan kadar kemiskinan ini mencerminkan jurang ekonomi antara bandar utama dan bandar kecil serta negeri-negeri tertentu yang masih menghadapi cabaran dalam pembangunan ekonomi.

Bercakap mengenai perkara itu, Mohd Uzir berpandangan bahawa statistik kemiskinan bandar di Malaysia dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini menunjukkan trend yang berbeza mengikut tahun.



MOHD UZIR

Jelas beliau pada 2019, insiden kemiskinan mutlak di bandar adalah 3.8 peratus namun akibat impak pandemik COVID-19 yang menyebabkan gangguan ekonomi dan kehilangan pekerjaan, kadar ini meningkat kepada 4.5 peratus pada 2022.

“Dari perspektif kemiskinan tegar pula, kadar di kawasan bandar menurun daripada 0.2 peratus (2019) kepada 0.1 peratus (2022), menunjukkan sedikit peningkatan dalam tahap kesejahteraan isi rumah,” katanya.

Tambahnya berdasarkan konsep pengiraan Pendapatan Isi Rumah Malaysia yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), miskin bandar merujuk kepada isi rumah yang menetap di kawasan bandar tetapi mempunyai pendapatan yang berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh kerajaan.

Katanya indikasi utama seseorang itu dikategorikan sebagai miskin bandar ialah apabila pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan.

Dalam konteks Malaysia katanya pengukuran kemiskinan mengambil kira kategori iaitu miskin tegar, kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

“Miskin tegar merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada PGK makanan.

“Isi rumah miskin tegar perlu diberikan tumpuan yang lebih dalam pemberian bantuan kerana mereka berdepan dengan pelbagai ancaman dan risiko pada tempoh semasa dan akan datang.

“Kemiskinan mutlak berlaku apabila pendapatan isi rumah berada di bawah PGK, manakala kemiskinan relatif merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada 50 peratus daripada median pendapatan isi rumah negara,” katanya.

Oleh yang demikian kategori miskin bandar secara umumnya melibatkan golongan yang tidak mampu memenuhi keperluan asas mereka dalam persekitaran sosioekonomi



KERAJAAN sentiasa memastikan kemiskinan bandar diatasi sewajarnya melalui pelbagai bentuk program menjana ekonomi rakyat selain bantuan-bantuan tertentu.

bandar yang memerlukan saraan kehidupan yang tinggi.

FAKTOR KEHILANGAN PEKERJAAN

DITANYA mengenai faktor-faktor berlakunya kemiskinan bandar, beliau memberitahu insiden kemiskinan bandar boleh berpunca daripada pelbagai faktor, antaranya ialah ketidakstabilan pendapatan disebabkan kehilangan pekerjaan, bekerja di bidang yang lebih rendah daripada kelayakan dengan gaji yang lebih rendah dan kos sara hidup yang tinggi.

Kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19 memberi kesan ketara kepada ramai penduduk bandar mahupun luar bandar.

Namun demikian secara beransur-ansur terdapat pemulihan kepada pendapatan isi rumah, seiring dengan aktiviti ekonomi yang lebih rancak dan disertai dengan inisiatif bantuan kerajaan bagi menangani kenaikan kos sara hidup.

“Bagi menangani isu gaji yang rendah, inisiatif kerajaan dengan memperkenalkan Dasar Gaji Progresif dan kenaikan aras gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 mulai Februari ini dijangka meningkatkan pendapatan pekerja dan isi rumah.

“Dari satu sudut lain, DOSM telah menyusun dan menerbitkan indikator kos sara hidup khususnya Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) yang ditakrifkan sebagai satu amaun perbelanjaan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menjalani kehidupan wajar yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak termasuk penyertaan dalam aktiviti sosial dan masyarakat,” katanya.

PAKW menurutnya boleh dimanfaatkan sebagai satu pengukuran bermanfaat seperti:

- Memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kemampuan isi rumah dalam

menjalani kehidupan wajar;

- Memperjelas tentang kos sara hidup di kawasan yang berbeza antara negeri, sama ada di bandar atau luar bandar;
- Menyokong peralihan konsep daripada pendapatan kasar kepada pendapatan boleh guna bersih;
- Menjadi indikator dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi dan perancangan penentuan gaji yang lebih adil; dan
- Membantu individu dan keluarga merancang perbelanjaan dan pengurusan kewangan isi rumah.

KENAikan KOS SARA HIDUP

DALAM pada itu, Mohd Uzir menegaskan bahawa miskin bandar mempunyai hubungan yang rapat dengan kenaikan kos sara hidup.

Memandangkan kehidupan di bandar melibatkan kos perumahan, makanan, pengangkutan dan utiliti yang lebih tinggi, jelas beliau isi rumah berpendapatan rendah terkesan secara langsung apabila harga barangan dan perkhidmatan meningkat.

“Sebagai contoh, peningkatan harga barangan keperluan asas seperti makanan, sewa rumah dan bahan api memberi tekanan kepada kewangan isi rumah miskin yang sudah bergelut dengan pendapatan yang terhad.

“Data menunjukkan bahawa purata PGK bukan makanan meningkat secara signifikan, terutamanya dalam kategori perumahan dan pengangkutan. Kos perumahan, sebagai contoh, meningkat daripada RM257 pada 2019 kepada RM459 (2022), manakala kos pengangkutan dan lain-lain meningkat daripada RM178 kepada RM257 dalam tempoh yang sama,” katanya.

Jelasnya selain itu, kenaikan harga



KELUARAN akhbar 21-27 Februari 2025.

barang juga menghakis kuasa beli isi rumah miskin, menyebabkan mereka terpaksa mengurangkan perbelanjaan keperluan lain seperti pendidikan dan kesihatan.

“Fenomena ini seterusnya meningkatkan risiko mereka untuk terus kekal dalam kitaran kemiskinan tanpa peluang mobiliti sosial yang lebih baik,” katanya.

Mengenai pandangan DOSM terhadap bantuan-bantuan diumumkan kerajaan dalam menangani isu miskin bandar, Mohd Uzir berkata pelbagai inisiatif kerajaan telah diperkenalkan untuk membantu menangani isu kemiskinan bandar, antaranya ialah Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta subsidi untuk makanan asas dan perumahan.

“Kerajaan juga menyediakan inisiatif seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi memastikan golongan miskin bandar mempunyai akses kepada kediaman mampu milik,” katanya.

Skim Rumah Pertamaku-i



RUMAH PERTAMA ANDA, BERMULANYA CERITA ANDA


Ketenangan minda boleh tercapai dengan pembiayaan Skim Rumah Pertamaku-i.

- Pembiayaan patut Syariah
- Margin pembiayaan tinggi
Sehingga 105%, termasuk MRTT

**Pembiayaan Skim Rumah
Pertamaku-i khas dibawakan
untuk anda dan keluarga**



Rumah idaman anda
Pelbagai pilihan hartanah
kediaman siap dan dalam
pembinaan



**Subsidi sehingga
RM6,000**
Untuk yuran guaman
dan penilaian



**Margin pembiayaan
tinggi**
Sehingga 105%,
termasuk MRTT




Mampu milik
Nilai hartanah bermula
dari RM100,000 hingga
RM500,000




Pembeli rumah pertama
Untuk rakyat Malaysia
berumur 18 hingga
40 tahun



**Pembiayaan
patuh Syariah**



**Kadar keuntungan
yang kompetitif**



Untuk Memohon
Imbas Di Sini

Tertakluk Terma dan Syarat.

Be Bold. Bank Smart.

MBSB Bank Berhad | No. Pendaftaran: 200501033981 (716122-P)



Jemaah perlu ambil langkah berhati-hati

SCAMMER DI TANAH SUCI?

METRA SYAHRIL MOHAMED

BERCAKAP mengenai menunaikan ibadah haji mahupun umrah di Tanah Suci, pastinya ramai akan ingat, ia adalah Tanah Suci, tanah untuk beribadah, membuang segala sifat mengundang dosa.

Namun, (amaran: bukan untuk memburuk-burukkan keberadaan Tanah Suci), ia seolah-olah menjadi lubuk scammer menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan ajaran agama.

Scammer teksi, scammer mengucup Hajarul Aswad, minta duit untuk pulang ke tanah air (terutama scammer berlakon jadi warga Palestin), scammer badal haji dan scammer dam.

Itu yang diceritakan Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd, **Datuk Md Daud Che Ngah** kepada Wilayahku dalam memberi peringatan kepada jemaah Malaysia yang sering kali menjadi mangsa penipuan di Tanah Suci.

Berpengalaman dalam aspek pengurusan haji selama 50 tahun, beliau mahu jemaah Malaysia sedar dan peka dengan keadaan sekeliling terutama mereka yang meminta-minta duit, kononnya mahu pulang ke Palestin.

"Ini paling ramai yang terkena. Mereka ini akan cuba menghimpit jemaah Malaysia untuk mendapatkan duit. Hati-hati ketika membuka dompet, mereka ini apabila nampak dompet kita penuh atau tebal dengan duit, seboleh-bolehnya semua mahu dikautnya atas nama 'simpati terhadap Palestin'.

"Mereka tahu hati budi orang Malaysia apabila disebut perkataan Palestin, mudah tersentuh. Sebab itu mereka ini sering menyasarkan jemaah Malaysia," katanya dalam temu bual baru-baru ini.

Malah beliau sendiri pernah berdepan seorang individu berperwatakan Arab yang sering kali menggunakan taktik sama.

"Di mana-mana pun sama, jalan ceritanya sama, skripnya sama, diulang-ulang hanya kerana hendak menipu. Orang akan bertanya, ini Tanah Suci, tak takutkah dengan balasan Allah?"

"Begitulah manusia kalau berdepan dengan duit, sudah tidak takut dengan peringatan agama," katanya.

Beliau juga memberi peringatan mengenai scammer dilakukan sekumpulan anak muda yang

menawarkan diri membawa jemaah untuk mengucup Hajarul Aswad.

"Dalam situasi ini, ramai yang ingat, ia dilakukan oleh mereka secara ikhlas untuk menolong jemaah bergerak menghampiri Hajarul Aswad. Tetapi selesai sahaja cium Hajarul Aswad, mereka ini juga yang akan menarik jemaah tersebut ke tepi dan meminta bayaran.

"Kalau ada empat orang yang kononnya membantu jemaah terbabit, keempat-empatnya akan meminta bayaran masing-masing," katanya.

SCAMMER DAM, BADAL HAJI

Di sisi lain beliau juga mengingatkan jemaah mengenai scammer dam dan badal haji.

Beliau memberikan contoh jemaah yang pertama kali ke Tanah Suci dan perlu membayar dam kerana rambut gugur.

"Tetapi apabila dirujuk kepada 'orang' yang salah, dia menyuruh jemaah itu membayar dam dengan menyembelih seekor kambing. Disuruh bayar duit dan hanya dia akan uruskan sembelih kambing.

"Apabila ditanya berapa harga, dia cakap 500 riyal, serah dan siap ada akad. Semuanya kambing (kena bayar dam).

"Sedangkan kesalahan itu kecil sahaja boleh pilih tiga, sembelih kambing atau puasa tiga hari atau beri makan kepada enam fakir miskin. Seorang fakir miskin 10 riyal, kalau enam baru 60 riyal.

"Mengapa kamu tidak mahu tolong jemaah pergi (bayar dam) sedekah kepada fakir miskin? Ini kerja penipu. Sebab itu jemaah kena belajar sungguh-sungguh mengenai urusan haji dan umrah di Tanah Suci," katanya.

Begitu juga dengan scammer badal haji yang dilakukan oleh mereka yang sudah

dari awal 'mengintip' jemaah Malaysia untuk melakukan penipuan dengan bayaran tertentu.

"Saya sudah buat laporan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) mengenai isu ini," katanya.

NIKMAT DALAM KECELAKAAN

TERDAHULU beliau menarik perhatian terhadap kalimah Arab yang menyatakan: "Nikmat dalam kecelakaan".

Kalimah itu merujuk kepada penipuan dilakukan individu atau kumpulan tertentu di Tanah Suci.

"Dia dapat banyak duit, nikmat, tetapi itu nikmat dalam kecelakaan.

"Tetapi mereka menjawab, semua manusia buat salah, orang yang mohon ampun, buat taubat, Allah terima taubatnya. Itu sahaja pegangan mereka yang menipu di Tanah Suci.

"Dia tak tahu dia bukan buat salah dengan Allah tetapi

sesama manusia, orang akan menuntut nanti di padang mahsyar," jelasnya sebagai peringatan bersama.

Dalam pada itu, beliau juga menasihatkan mana-mana anak muda yang mahu menjalankan perniagaan dalam pengurusan haji dan umrah, ia bukan sekadar mengejar keuntungan semata-mata.

Paling penting baginya, kumpul ilmu dan pengalaman yang luas sebelum berkecimpung dalam perniagaan berkenaan.

"Ini tidak, baru setahun dua urus jemaah umrah, sudah berani hendak uruskan jemaah haji. Tanpa pengalaman yang cukup, sebab itu berlaku banyak jemaah terkandas.

"Dan kepada jemaah, selidik dahulu syarikat pengendali haji dan umrah sebelum menggunakan perkhidmatan mereka," katanya. 



USIA MAIWP SEPARUH ABAD

KU SEMAN KU HUSSAIN

ILMU merupakan elemen penting yang dapat mengubah aspek sosioekonomi dan pendidikan dalam sesebuah masyarakat. Ia juga berfungsi sebagai pintu rezeki untuk memasuki dunia pekerjaan, sekali gus meningkatkan ekonomi keluarga dan umat Islam pada umumnya.

Sekalipun begitu, tidak semua individu memiliki kesempatan dan kemampuan untuk menuntut ilmu dan ini adalah realiti kehidupan yang menampilkan perbezaan antara yang lebih dan kurang berkemampuan. Di mana-mana tempat sekalipun termasuk negara maju, tetap terselit golongan yang kurang kemampuan.



PENULIS BEBAS

Kumpulan yang kurang bernasib baik itu sama sekali tidak dipinggirkan malah terus mendapat perhatian dan menikmati beberapa pelan atau perancangan jangka pendek dan panjang. Hal itu sangat penting untuk membolehkan

mereka 'berlari' dengan kepantasan yang sama dengan yang lain untuk mencapai matlamat.

Hasil daripada perhatian dan perancangan kerajaan mengubah dan menambah baik kehidupan golongan itu ternyata memberikan hasil. Banyak dalam kalangan generasi muda khususnya golongan yang kurang berkemampuan berjaya keluar daripada lingkaran sedemikian dengan ilmu dan kemahiran.

Itulah cara yang tepat untuk mengubah kedudukan golongan yang kurang kemampuan dalam perlumbaan ekonomi di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Bantuan tidak boleh difahami sebagai pertolongan yang berterusan, sebaliknya sebagai lonjakan untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam menikmati kemajuan negara.

Salah satu institusi yang tidak boleh dipinggirkan sama sekali apabila bercakap tentang usaha mengeluarkan golongan kurang kemampuan daripada lingkarannya adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



HARI sukan Tadika Islam MAIWP membentuk golongan anak muda yang cergas.

(MAIWP). Institusi itu memberikan fokus kepada pembangunan ekonomi dan modal insan yang berterusan.

Usaha itu memperlihatkan iltizam kerajaan dalam meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dalam golongan berkenaan. Hasilnya peruntukan dan bantuan yang signifikan yang disalurkan kepada MAIWP telah memberi kesan yang positif terhadap ahli masyarakat dalam golongan itu.

Dengan bantuan ini, golongan yang berpendapatan kecil dan kurang berkemampuan di ketiga-tiga wilayah mendapat manfaat yang berterusan daripada kemajuan negara. Malah itulah hasrat kerajaan untuk memperbaiki dan seterusnya menjadikan kedudukan mereka sebaris dengan golongan yang lebih berdaya maju.

Pelbagai program dilaksanakan termasuk bantuan pendidikan, latihan kerja, bantuan perubatan dan kebajikan lain yang melibatkan golongan B40. MAIWP telah berjaya mensasarkan kelompok yang memerlukan bantuan, memberi mereka harapan dan seterusnya memandu mereka menuju kehidupan dengan lebih baik.

Kerajaan, melalui usaha dan tindakan ini membuktikan komitmen memastikan tidak ada yang terpinggir daripada menikmati hasil kemajuan negara. Setiap bantuan yang

diberikan adalah harapan supaya berlaku perubahan terutama dalam kedudukan ekonomi dan sosial.

Selain sebagai bantuan kewangan, kutipan zakat juga dimanfaatkan untuk membantu golongan yang kurang kemampuan mendapatkan pendidikan. MAIWP bukan hanya memberikan bantuan kewangan, tetapi juga berusaha mengubah keadaan sosioekonomi umat Islam dengan menyediakan pendidikan dalam bidang agama dan teknikal.

Sejak penubuhannya lebih setengah abad lalu, MAIWP telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan amat baik dalam aspek pembangunan sosial, ekonomi dan agama, terutama di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sumbangan ini harus dilihat sebagai kejayaan membantu golongan kurang berkemampuan agar dapat bersaing di pelbagai bidang.

Walaupun kepimpinan MAIWP bertukar ganti dan sentiasa perubahan, matlamat asalnya tetap dilaksanakan dengan konsisten. MAIWP memahami definisi kejayaan umat dan menerapkannya dalam perancangan serta pelaksanaan beberapa projek pendidikan dan sosial yang telah menunjukkan hasil.

Hal itu membuktikan MAIWP bukan sekadar pusat kebajikan, tetapi juga memikul tanggungjawab melahirkan generasi Islam yang berilmu. MAIWP yang ditubuhkan pada 1 Februari 1974 bersamaan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu menjadi penggerak penting yang mengangkat kedudukan golongan kurang kemampuan daripada aspek ekonomi dan sosial.

Tanggungjawab MAIWP semakin meluas apabila Labuan menjadi wilayah pada 16 April 1984, diikuti dengan Putrajaya pada 1 Februari 2001. MAIWP melangkah menceburi bidang perubatan pada 1984 dengan menubuhkan Pusat Rawatan Islam di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Kemudian membesarkan operasi sebagai Hospital Pusrawi, sebuah hospital pakar yang setanding dengan yang lain di Jalan Tun Razak pada 16 Januari 2006. Semua itu adalah kejayaan sebuah institusi yang kini berusia lebih setengah abad dalam bidang kesihatan dan perubatan.

Hospital ini menyediakan perkhidmatan pakar dengan 164 katil dan pusat hemodialisis, berpegang pada prinsip patuh syariah. Selain Hospital Pusrawi, MAIWP juga membuka Pusat Bersalin Berisiko Rendah di Putrajaya hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, yang bertujuan mengatasi kesesakan di wad bersalin Hospital Putrajaya.

MAIWP menyediakan peruntukan zakat berjumlah RM3.26 juta untuk mengubah

suai premis tersebut dan menyediakan peralatan moden. Kepimpinan MAIWP mempunyai perancangan jangka panjang untuk membentuk generasi muda Islam yang berilmu, termasuk dalam bidang sains dan teknologi.

Dari perancangan itu, Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) ditubuhkan pada 1991, diikuti oleh Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA MAIWP) pada 2007 dan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA). IKB adalah usaha MAIWP untuk membasmi kemiskinan dengan memberikan kemahiran teknikal kepada generasi muda agar mereka dapat berdikari.

Keberadaan IKB yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) membuka peluang bagi generasi muda dalam dunia pekerjaan.

SMA MAIWP yang beroperasi pada 2007 bermula di bangunan sementara, kini berstatus sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan yang berpindah ke lokasi tetap di Cheras pada Jun 2013.

Sementara itu SMISTA, yang beroperasi sejak 3 Januari 2011, adalah sekolah agama integrasi sains dan tahfiz pertama di Wilayah Persekutuan. Dengan komitmen yang tinggi, MAIWP berusaha untuk melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak, meski ada halangan yang disebabkan faktor keluarga kurang berkemampuan.

Ini membuktikan bahawa Islam sentiasa mendorong kemajuan dan menggalakkan usaha untuk membantu golongan yang kurang kemampuan mendapat ilmu yang setinggi-tingginya. Hasil daripada ilmu itu disumbangkan semula kepada masyarakat melalui berbagai-bagai pendekatan dan bidang.


MAIWP adalah kebanggaan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan yang melihat sendiri hasil daripada zakat yang disalurkan tahun demi tahun. Sedikit-sedikit, lama-lama bukan sahaja menjadi bukit tetapi juga dapat mengeluarkan ahli masyarakat yang kurang kemampuan daripada lingkarannya.

Tentu sahaja selain menyalurkan bantuan secara terus, pelaburan MAIWP mengubah keadaan masyarakat melalui penguasaan ilmu kehidupan dan agama. Generasi yang mendapat ilmu daripada perancangan MAIWP itu adalah pencetus kepada keluarga masing-masing untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan dan ketidakmampuan sebelumnya.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

AKTA PSB BUKAN TUJUAN HALAU MELAYU DARI BANDAR

ZULKIFLI SULONG

BARU-BARU ini sekali lagi pihak pembangkang mencipta naratif perkauman untuk menolak usaha kerajaan membangunkan negara melalui Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB).

Padahal ketika di dalam kerajaan, inilah juga usaha yang dibuat oleh para pemimpin Perikatan Nasional (PN) untuk membangunkan negara.

Tetapi oleh kerana menteri yang menjadi pihak pelaksana kepada pengenalan akta ini adalah dari DAP, iaitu Nga Kor Ming, ia sudah menjadi buruk seburuk-buruknya.



PENULIS BEBAS

Ia sudah jadi satu usaha untuk menghalau Melayu dari tinggal di bandar dengan digantikan oleh pihak-pihak lain. Kononnya Melayu tidak akan mampu membeli rumah-rumah yang bakal dibina nanti.

Yang peliknya ketika menjadi kerajaan, inilah hujah dan usaha yang dibuat oleh mereka dahulu.

Ketika saya menjadi pegawai kepada Khalid Abdul Samad, dahulunya Menteri Wilayah Persekutuan, inilah usaha dan perbincangan yang kita buat.

Kami melawat bangunan-bangunan flat kediaman yang usang dan penuh dengan masalah. Kami berbincang bagaimana ia boleh dibangunkan semula.

Saya masih ingat lagi, Datuk Dr Alias Rameli adalah salah seorang Setiausaha Bahagian di Kementerian ini yang turut sama membincangkan isu tersebut.

Kini Dr Alias, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), yang berasal dari Terengganu inilah juga yang menyiapkan draf Akta Pembaharuan Semula Bandar ini.

Melalui akta ini, bukan sahaja hak penduduk dan pemilik asal bangunan usang yang hendak dibangunkan ini akan mendapat keutamaan untuk tinggal semula di sini bahkan jauh sekali menghalau orang Melayu dari bandar.

Dalam sesi dengan Bernama baru-baru



AKTA Pembaharuan Semula Bandar bertujuan membangunkan kawasan-kawasan lama untuk pembangunan semula.

ini, Dr Alias menafikan dakwaan bahawa PSB akan menghapuskan bangsa Melayu serta golongan B40 dan M40 di bandar.

Beliau berkata kerajaan memegang teguh 10 prinsip bagi memastikan ketelusan pentadbiran dan menjamin hak pemilik hartanah berdaftar dalam membangunkan rang undang-undang itu.

"Antara prinsip utama Rang Undang-Undang (RUU) PSB adalah mendapatkan persetujuan pemilik, pengekalan penduduk asal dan menjaga kepentingan pemilik tanah dan penyelenggaraan kos caj penyelenggaraan yang wajar.

"Penggubalan RUU PSB tidak sama sekali menyebabkan pindaan kepada akta-akta lain seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Kota Bharu iaitu Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah 1960," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Sebelum ini Ahli Parlimen pembangkang menyifatkan RUU PSB sebagai taktik halus menyingkirkan Melayu daripada menetap di kawasan bandar dengan menurunkan nilai ambang persetujuan bagi pembangunan semula kawasan perumahan strata.

Ketua Whip PN, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) juga dilaporkan berkata penggubalan perundangan tersebut dilakukan secara tergesa-gesa.

Mengulas lanjut, Alias berkata RUU PSB akan melengkapi dan mempunyai peruntukan tambahan bagi menjaga hak dan kepentingan pemilik dan pemunya hartanah sedia ada.

Beliau berkata kajian kepada lebih 17 akta berkaitan pembangunan hartanah telah dilaksanakan bagi mengelakkan pertindihan dan percanggahan dari sudut perundangan.

Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan dan memberi jaminan bahawa pemilik asal hartanah tidak akan diusir daripada pemilikan tanah atau premis secara paksaan susulan Akta PSB.

Malah katanya kerajaan akan memastikan setiap pemilik asal hartanah memahami hak serta perlindungan yang akan diberikan.

Menurut beliau Akta PSB telah diusulkan sejak 2013 sebelum proses pengumpulan data dimulakan pada 2015, maka tidak timbul soal gopoh untuk melaksanakan akta berkenaan.

"Tidak timbul sama sekali bahawa pemilik asal hartanah akan diusir daripada pemilikan

tanah secara paksaan. Malah status tanah yang asal kekal sama tidak akan berubah.

"Soal gopoh itu saya tak faham kenapa dibangkitkan. Untuk maklumat semua, pada 2020 bekas Menteri Wilayah, Tan Sri Annuar Musa menerajui program pembaharuan ini terutama rumah pangsa berusia lebih 40 tahun.

"Pada 2021 pula Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamarudin memulakan penggubalan RUU PSB. Pada 22 Mac 2022, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican meneruskan dan menegaskan prinsip sama.

"YB (Yang Berhormat) Arau (Datuk Seri Shahidan Kassim) pada September 2022 malah memaklumkan DBKL telah mengenal pasti 30 kawasan untuk pembaharuan semula," katanya di Dewan Rakyat minggu lalu.

Pada masa sama Anwar berkata, tidak timbul langsung isu kerajaan ingin mengganggu tanah rizab Melayu, sebaliknya inilah cara tolong orang Melayu.

"Saya tak sanggup lihat kawasan-kawasan daif. Tak timbul soal tanah rizab Melayu. Kalau betul nak tolong Melayu ini caranya. Maknanya kita guna seluruh dana untuk bangunkan (penempatan) mereka.

"Mesti lakukan sesuatu segera. Tak boleh kita biar orang miskin Melayu, India dan Cina dalam keadaan begitu. Tapi (kerajaan) jamin hak dia kekal. Jamin rumah dia lebih baik. Kalau sekarang satu bilik, sekurang-kurangnya selepas ini tiga bilik. Itu syarat dia," kata Anwar.

Kita yakin, jika inilah sikap yang diambil oleh pembangkang yang sentiasa mengambil peluang untuk memusingkan fakta, rakyat terbanyak tidak akan percaya kepada mereka lagi.

Ini kerana, di zaman semua maklumat berada di hujung jari ini, majoriti rakyat dapat akses kepada maklumat dengan mudah.

Jika selama ini mereka terpengaruh dengan media sosial, kali ini juga mereka akan terpengaruh dengan media sosial untuk mendapatkan maklumat yang sebenarnya bukannya auta.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Kawal nafsu, jimat berbelanja



Jujur berniaga di bazar Ramadan

RAMADAN kembali menjenguk ke dalam kehidupan kita dengan membawa seribu satu rahmat dari Yang Maha Esa. Bermulalah ibadah puasa, Rukun Islam ketiga. Memang pantas, rasanya baharu sahaja Ramadan berlalu, kini menjelma lagi.

Namun bagi kawan-kawan Kedai Kopi, yang penting ialah kita mengambil manfaat sepenuhnya daripada kemuliaan Ramadan untuk mengukuhkan takwa dan keimanan serta pengabdian kepada Allah untuk mencari rahmat keredaanNya.

Kerana itu aspek pengisian Ramadan sangat penting. Pada bulan mulia ini, selain menahan lapar dahaga di siang hari, umat Islam dituntut mempertingkatkan serta memberi lebih tumpuan kepada amal ibadah.

Ini termasuk menunaikan solat sunat

tarawih di masjid atau surau, bertadarus Al-Quran, memperbanyak sedekah dan derma, qiamullail atau menghadiri majlis ilmu serta ceramah agama.

Setahun sekali memang wajar melipatgandakan usaha mencari pahala. Kawan-kawan Kedai Kopi tidak bermaksud di bulan lain tidak perlu banyak beribadah. Juga bukan untuk mengabaikan keperluan kehidupan yang lain. Cuma lebihkan ibadah pada Ramadan.

Selain itu, kawan-kawan Kedai Kopi ingin ingatkan agar kita semua kawal diri dan banyak sabar ketika berpuasa.

Tidak kurang penting, kawal nafsu makan minum ketika berbuka serta jimat berbelanja. Beli dan makan sekadar yang perlu. Jika berlebihan akan membazir.

DENGAN ketibaan bulan Ramadan, seperti biasa bazar Ramadan bermula. Di sinilah medan untuk para peniaga mencari rezeki, juga untuk orang ramai membeli pelbagai jenis juadah berbuka puasa.

Mulai tahun ini bazar Ramadan di ibu negara dikendalikan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari segi permohonan lesen perniagaan serta penyelenggaraan bazar.

Kawan-kawan Kedai Kopi sifatkan langkah ini wajar untuk memastikan peniaga yang layak dan ingin berniaga mendapat lesen berniaga. Usaha ini memastikan peniaga mendapat harga sewaan tapak berpatutan, selain pengurusan lebih baik.

Sebelum ini urusan bazar Ramadan dikendalikan oleh pihak lain. Namun kerap terdengar kekecohan seperti pemilihan peniaga, peruntukan lot niaga dan sewa yang dianggap tinggi sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan yang ingin berniaga.

Kerana itu langkah DBKL mengambil alih pengurusan dan pengendalian dapat mengatasi pelbagai masalah yang sering timbul sebelum ini. Ia juga dapat mengekang perbuatan pihak tertentu yang cuba mengaut keuntungan daripada operasi bazar Ramadan.

Namun peringatan kawan-kawan Kedai Kopi kepada yang memperoleh lesen niaga, jangan jual atau pindah lesen kepada pihak lain untuk untung segera.



Lindungi **DATA PERIBADI** Hindari **PENIPUAN DALAM TALIAN**

Pada era digital, penipuan dalam talian semakin berleluasa dengan pelbagai taktik licik. Ramai menjadi mangsa akibat kurangnya kesedaran dan kewaspadaan. Kempen ini mengajak masyarakat untuk lebih berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi dan membuat transaksi kewangan. Lindungi diri anda dengan sentiasa menyemak kesahihan sebelum bertindak!



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV



KERJA-KERJA menambah baik sistem bekalan air di Labuan mencapai perkembangan positif.

Aduan gangguan bekalan air berkurang

PROJEK BAIKI PAIP CAPAI 35% SIAP

KHAIRUL IDIN

PROJEK membaiki dan penambahbaikan sistem bekalan air di Labuan capai perkembangan positif dengan 35 peratus siap.

Perkara itu dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** dengan usaha yang dilaksanakan kerajaan menerusi projek berskala besar itu berada di landasan tepat.

Jelas beliau bagi pelaksanaan projek itu Kerajaan MADANI memperuntukkan RM454.88 juta bagi menaik taraf dan pembinaan infrastruktur paip bekalan air sepanjang 106.7 kilometer di Labuan.

"Setakat ini, 37 kilometer atau 35 peratus daripadanya telah siap.

"Penambahbaikan ini membawa kesan yang positif, dengan aduan gangguan bekalan air berkurang sebanyak 46 peratus berbanding pada 2023," katanya dalam ucapan sempena perasmian Karnival Sukan Wilayah Persekutuan peringkat Labuan di Kompleks Sukan Laut.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.

Tambah Zaliha isu pembekalan elektrik di Labuan juga semakin stabil berbanding sebelum ini dengan dua projek ladang solar di Tanjung Kubong dan Kampung Bukit Kalam berkapasiti 15 megawatt telah siap sepenuhnya.

Ini katanya bagi menampung keperluan kapasiti bekalan elektrik dan kestabilan tenaga di pulau itu.

"Labuan memerlukan purata 70 megawatt bekalan elektrik sehari dan pembekalan yang dibekalkan pula adalah sehingga 100 megawatt. Alhamdulillah, keadaan pembekalan elektrik sekarang ini adalah lebih stabil, semakin membaik berbanding sebelum ini," katanya.

Beliau turut mengulas cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok sebagai satu 'game changer' kepada Labuan.

Katanya Kerajaan MADANI turut memfokus terhadap cadangan itu sebagai usaha meningkatkan sosioekonomi Labuan.

"Belanjawan 2025, sejumlah RM3 juta diperuntukkan kepada Kementerian Kerja Raya bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan projek itu.

"Walaupun ada kajian tersebut telah dilaksanakan sebelum ini namun kajian itu telah tamat tempoh dan tidak boleh dijadikan sebagai sandaran," jelasnya.

Mengenai usaha lain dalam memacu ekonomi dan pembangunan Labuan, Zaliha menjelaskan pulau itu mempunyai potensi tersendiri dalam sektor pelancongan yang perlu dimanfaatkan dan menjadikan ia sebagai satu penggerak pembangunan tempatan.

Katanya tahun ini akan menyaksikan sektor pelancongan di Labuan akan menjadi sebagai sektor alternatif yang bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi tetapi sebagai penggerak pembangunan tempatan.

"Pada tahun ini, pelbagai acara menarik dan bertaraf antarabangsa akan dianjurkan untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Labuan.

"Antaranya, buat pertama kali, kita akan menganjurkan Borneo Floral Festival atau singkatannya BFF sebagai satu daya tarikan pelancong yang mampu menjadikan Labuan sebagai destinasi pilihan pelancongan serantau," katanya.

Badan sukan terima Bantuan MADANI

SEBANYAK 22 badan sukan berdaftar dan aktif di Labuan menerima Bantuan MADANI bernilai RM56,000 daripada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) bagi membantu pengurusan operasi dan pentadbiran badan sukan terlibat.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, bantuan yang diberikan pada setiap tahun itu bertujuan melancarkan pengoperasian dan pengurusan persatuan sukan, terutama di Labuan.

Katanya, bagi Putrajaya dan Kuala Lumpur, bantuan tersebut akan diserahkan pada Mac ini membabitkan sejumlah RM290,000 kepada 82 badan sukan.

"Saya berharap bantuan ini dapat membantu badan sukan dalam pengurusan operasi dan pentadbiran.

"Saya menyeru agar dana yang diterima digunakan secara optimum bagi memastikan pembangunan sukan terus berkembang maju di Wilayah Persekutuan," katanya dalam ucapan sempena Majlis

Penyerahan Bantuan MADANI kepada badan sukan Labuan.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Mohd Sukuran Taib dan Pengarah MSWP, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Salleh.

Dalam perkembangan sama, bagi memastikan badan sukan lebih tersusun, profesional dan berdaya saing dalam pengurusan, beliau memperkenalkan Sistem Penarafan Bintang bagi badan-badan sukan di Wilayah Persekutuan.

"Penilaian boleh dibuat berdasarkan beberapa aspek utama seperti tatakelola organisasi, kecekapan pengurusan kewangan serta pencapaian badan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Saya yakin langkah ini akan menjadikan badan sukan lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan cekap dalam urus tadbir. Ini juga akan membantu membangunkan lebih ramai atlet berbakat serta memperkukuh Wilayah Persekutuan sebagai hab sukan yang cemerlang," katanya.



NORIDAH (dua dari kiri) menyampaikan Bantuan MADANI kepada 22 Badan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan bernilai RM56,000.

34 notis dikeluarkan, premis diarah tutup

SEJUMLAH 34 notis kesalahan dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Labuan menerusi Operasi Bersepadu Undang-Undang Kesihatan Awam (OSKA) membabitkan nilai kompaun RM9,400.

Pengarah JKN Labuan, **Dr Francis Paul** berkata, penguatkuasaan

tersebut menumpu kepada empat akta utama.

Ia melibatkan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852); Akta Makanan 1983 (Akta 281); Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154) serta Akta Pencegahan dan Pengawasan

Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Beliau memberitahu operasi melibatkan pemeriksaan di 161 lokasi termasuk premis perniagaan, kawasan larangan merokok, premis makanan dan fasiliti awam di Labuan.

"Pada operasi ini kita

mengeluarkan 34 notis kesalahan dengan nilai kompaun RM9,400.

"Ini membabitkan 17 notis mengikut kesalahan di bawah Akta Kawalan Merokok, Akta Makanan 1983 (13 notis) dan sebuah premis makanan diarah tutup susulan tidak mencapai tahap kebersihan ditetapkan,"

katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan secara tegas bahawa operasi akan terus diperketat bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang kesihatan awam serta kesejahteraan masyarakat terpelihara.

Festival Ramadan Putrajaya 2025

DESTINASI MESRA MUSLIM

FESTIVAL Ramadan Putrajaya (FRP) yang memasuki tahun ke-13 penganjurannya bakal diadakan kembali bermula 28 Februari sehingga 30 Mac 2025.

Menyasarkan seramai satu juta pengunjung dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa, beberapa penambahbaikan dan elemen baharu disuntik bertujuan menjadikan Putrajaya sebagai pusat sehenti menjual juadah berbuka puasa dan barangan keperluan Aidilfitri selain dilihat dapat mengeratkan hubungan sesama keluarga dan masyarakat.

Ikuti sesi temu bual wartawan Wilayahku, **DIANA AMIR** dan jurufoto **HASIF HALIMI** bersama Pengarah Bahagian Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj), **ROZIMAH WAHID** mengenai FRP 2025.

Apakah tema bagi penganjuran Festival Ramadan Putrajaya 2025?

Mula dianjurkan pada tahun 2012, saban tahun FRP semakin mengukuhkan jenamanya dan dinanti-nantikan bukan sahaja pengunjung bahkan peniaga dari dalam dan luar Putrajaya.

Penganjuran FRP tahun ini menyokong pendekatan 'whole of nation' yang disarankan kerajaan dengan melibatkan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, majlis perwakilan penduduk serta pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) dalam bersama-sama menjayakannya.

Bertemakan Memori Ramadan, Aspirasi Syawal, FRP 2025 merangkumi enam komponen utama di mana lima daripadanya berlangsung di Pusat Bandar Putrajaya iaitu di Presint 3 yang menawarkan pusat sehenti kepada pengunjung bagi membeli-belah, beriadah dan beribadah.

Apakah lima komponen utama FRP 2025 di Presint 3, Putrajaya?

Komponen tersebut adalah:

● Bazar Ramadan Utama, Presint 3

Merupakan antara bazar Ramadan yang popular di Malaysia terletak di tapak letak kenderaan awam bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Kompleks PPj di mana kita menawarkan lebih 1,000 jenis menu juadah berbuka puasa dengan sejumlah 290 lot niaga. Antara menu popular yang kita kekalkan seperti Cef Amar, nasi ganja, mi rebus dan banyak lagi. Bazar ini akan mula beroperasi pada 2 hingga 30 Mac dari pukul 3 petang hingga 8 malam.

● Bazar Mega Anjung Syawal

Terletak di Persiaran Perdana dan Dataran Putrajaya berhadapan Kompleks PPj, bazar Aidilfitri terbesar di Lembah Klang ini mengumpulkan lebih 300 peniaga jualan keperluan Hari Raya serta makanan dan minuman (F&B). Berkonsepkan kampung tradisional, bazar ini merupakan anjuran Raydiates Blue Sdn Bhd. Menariknya pada kali ini, kita mempunyai komponen baru iaitu *healing station* yang terletak di kawasan Serambi Santai dengan khemah lutsinar untuk pengunjung berbuka puasa sambil menikmati pemandangan. Bazar Syawal ini akan beroperasi dari pukul 12 tengah hari sehingga 12 tengah malam.

Beberapa selebriti tempatan dan berpengaruh terkenal Malaysia turut sama menjual barangan persiapan raya seperti Datuk Seri Siti Nurhaliza, Datuk Jamal Abdillah dan ramai lagi. Di samping itu, pengisian tazkirah, persembahan dan hadiah cabutan bertuah lumayan turut disediakan kepada pengunjung.

● Laman Oasis

Sebelum ini dikenali sebagai *Kiblat Walk*

dan kali ini kita jenamakan semula sebagai Laman Oasis yang menawarkan 14 lot niaga serta kemudahan kerusi meja berkonsepkan *outdoor cafe*. Suasana santai ini menjadi tarikan pengunjung berbuka puasa dan moreh sambil beriadah selepas beribadah di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin bersama keluarga dan rakan-rakan. Laman ini akan beroperasi pada pukul 3 petang sehingga 12 tengah malam.

● Laman Iftar

Kawasan padang di hadapan Kompleks PPj ini menjadi lokasi tumpuan dan ikonik bagi pengunjung berbuka puasa dalam suasana riadah, berkelah dan santai di mana kebiasaannya pada hujung minggu akan dipenuhi orang ramai seawal pukul 4 petang. Di samping itu, kita juga mengadakan pengisian kerohanian dengan Program Tazkirah Ramadan oleh penceramah jemputan satu jam sebelum masuk waktu berbuka puasa.

● Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

Masjid ini merupakan lokasi tumpuan bagi aktiviti ibadah khususnya solat fardu dan sunat Tarawih berjemaah dan berada berhampiran dengan tapak FRP 2025. Selain Laman Iftar, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin turut mempunyai ruang berbuka puasa awam di kawasan 'shan'. Selain itu, terdapat juga program qiamulail pada 10 malam terakhir Ramadan dan imam Terawih jemputan iaitu Dr Sheikh Samer Najeh Samarah dari Jordan dan Shekh Asem Othman dari Syria.

Adakah terdapat komponen FRP 2025 yang dianjurkan selain di Presint 3?

Terdapat satu lagi komponen FRP 2025 selain di Presint 3 iaitu Bazar Ramadan Kejiranan melibatkan tiga buah lokasi di kawasan kejiranan berkepadatan tinggi dan agak berjauhan daripada pusat bandar bagi kemudahan warga Putrajaya antaranya Bazar Ramadan Presint 11 yang berlokasi di Tapak Park & Ride Presint 14 anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP)

Zon Putrajaya melibatkan 120 peniaga.

Selain itu terdapat juga Bazar Ramadan Presint 14 anjuran Berkat Bumi Empire melibatkan seramai 170 peniaga. Terletak berhampiran kawasan komersial Presint 11, Putrajaya, bazar ini kita akan kekalkan sebagai Bazar Ramadan Rahmah seperti tahun sebelumnya dengan kerjasama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pada tahun ini kita memperkenalkan Bazar Ramadan Mini Presint 16 yang terletak di kawasan parkir Taman Warisan Pertanian melibatkan 40 peniaga anjuran Koperasi Perbadanan Putrajaya (PutraKop). Walau bagaimanapun, gerai-gerai sedia ada di Taman Warisan Pertanian masih beroperasi seperti biasa. Kesemua bazar ini akan beroperasi mulai 2 hingga 30 Mac, dari pukul 3 petang hingga 8 malam.

Kelainan atau penjenamaan yang dibawa oleh Perbadanan Putrajaya pada tahun ini?

Menariknya kali ini kita berkolaborasi dengan berpengaruh terkenal, Pinn Yang untuk membantu mempromosikan Bazar Ramadan Putrajaya dan Jualan Anjung Syawal. Pinn Yang juga akan berada di kedua-dua lokasi bagi berkongsi hadiah bersama para pengunjung di samping menjual produk miliknya. Pelbagai hadiah menarik menanti pengunjung bertuah.

Selain itu, bagi menyokong inisiatif ke arah menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Hijau Rendah Karbon menerusi pengurusan tenaga yang cekap, pemeliharaan alam sekitar dan pengurangan jejak karbon, FRP 2025 akan meningkatkan pelbagai kempen di bawah Kempen 'Go Green' Bazar Ramadan Putrajaya. Di antara kempen atau program yang dilaksanakan merangkumi Cashless Bazar Ramadan di mana kita menggunakan pakai sepenuhnya transaksi pembelian tanpa tunai oleh pengunjung.

K e m p e n
H i n d a r i

Penggunaan Plastik Sekali Guna juga akan dijalankan di mana pihak PPj tidak lagi menyediakan beg plastik sebaliknya pengunjung perlu membawa beg sendiri. Kita juga akan menjual beg serba guna berhampiran pintu masuk bazar dan di situ juga akan diadakan jualan *preloved* mega raya. Itu antara penambahan pada penganjuran kali ini.

Seterusnya, kempen yang memberi impak yang positif kepada kebajikan rakyat dan pemuliharaan sekitar seperti Kempen Elakkan Pembaziran Makanan (Beli Apa Yang Perlu Sahaja), Kempen Pengurangan Sisa Organik Melalui Pengkomposan di Festival Ramadan Putrajaya dan Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai daripada Bazar Ramadan Putrajaya masih diteruskan dan mendapat sambutan baik daripada para peniaga.

Harapan penganjuran tahun ini?

Putrajaya merupakan antara lokasi yang melakukan program bersepadu seperti ini jadi kita jangka akan menjadi sebagai salah satu destinasi mesra muslim. Tambahan pula pada tahun lalu, kita telah mengadakan kolaborasi dengan pihak Tourism di mana Putrajaya menjadi antara destinasi wajib singgah di bulan Ramadan.

Diharapkan juga festival ini terus berupaya menyokong perkembangan ekonomi Putrajaya selain memberi peluang perniagaan kepada penjaja juga peniaga kecil untuk menambah pendapatan sampingan. Untuk makluman, tahun lalu kira-kira RM3 juta pendapatan diperoleh dalam kalangan 900 peniaga terlibat.

Justeru itu, saya menjemput orang ramai untuk datang ke FRP 2025 untuk merasai sendiri suasana meriah, santai dan unik yang mungkin tidak ada di tempat lain. Untuk maklumat lanjut dan terkini, orang ramai boleh melayari media sosial rasmi PPj @Putrajaya (Facebook); @



Kejohanan Hoki Lelaki Piala Negara-Negara FIH

LAPAN NEGARA BERENTAP

SABRINA SABRE

MALAYSIA secara rasminya akan menjadi tuan rumah bagi kejohanan hoki lelaki Piala Negara-Negara Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) yang dijadualkan berlangsung pada 15 hingga 21 Jun ini.

Ketika ini Malaysia berada di ranking ke-13 dunia dan akan turut beraksi pada kejohanan edisi ketiga itu bersama-sama Perancis yang unggul di ranking kesembilan.

Pasukan lain adalah Afrika Selatan yang berada di kedudukan ke-11 dunia diikuti New Zealand (12), Korea Selatan (14), Pakistan (15), Jepun (16) dan Wales (18).

Kejohanan disertai lapan negara itu akan diadakan di ibu negara dengan juara layak beraksi di Liga Profesional 2025-26.

Presiden FIH, **Tayyab Ikram** memberitahu pihaknya gembira untuk melihat kejohanan itu kembali ke Malaysia selepas kali terakhir kejohanan FIH dianjurkan di negara ini iaitu Piala Dunia Remaja 2023.

“Tuan rumah sentiasa menjadi penganjur kejohanan hoki yang hebat dan perkara sama diharapkan untuk Piala Negara-Negara ini. Bagi pihak FIH, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di Malaysia.

“Saya ingin mengucapkan selamat kepada semua,

dan terutamanya pemain semoga dapat memanfaatkan pengalaman ini sebaik mungkin untuk berkembang dan mencapai tahap seterusnya,” katanya.

Sementara itu Presiden Persekutuan Hoki Malaysia (MHC), Datuk Seri Subahan Kamal mengakui teruja dan yakin penganjur kejohanan itu akan membawa bakat-bakat hoki dunia ke Malaysia.

“Kita amat bertuah kerana FIH memberikan kepercayaan kepada kita untuk menganjurkan kejohanan menakjubkan ini buat kali pertama. Kita juga berterima kasih kepada Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh yang menyokong usaha kami untuk menganjurkan kejohanan ini,” katanya.

Kejohanan yang dilancarkan pada Jun 2021 merupakan pentas pertandingan tertinggi menampilkan pasukan terbaik yang tidak menyertai Liga Profesional dan memberi peluang kepada pasukan juara untuk beraksi di liga berkenaan pada musim berikutnya.

Afrika Selatan selaku tuan rumah edisi 2022, muncul juara pada edisi di Potchefstroom manakala New Zealand pada edisi 2023-2024 di Gniezno, Poland.

Malaysia menduduki tempat keempat pada edisi pertama dan ketujuh pada edisi tahun lepas. 



MALAYSIA akan menjadi tuan rumah kejohanan hoki lelaki Piala Negara-Negara Persekutuan Hoki Antarabangsa pada Jun ini. - Gambar FIH

Catatan masa Sawda diiktiraf rekod dunia

PELUMBA wanita remaja negara, **Sawda Hasbullah** mencipta nama dalam Kejohanan Berbasikal Trek Asia (ATC) 2025 apabila catatan masa 1:10.818 saat (s) dilakukannya pada final acara 1 kilometer (km) ujian masa remaja diiktiraf sebagai rekod dunia.

Dalam kejohanan yang diadakan di Velodrom Nasional, Nilai, Negeri Sembilan itu, pelumba berusia 17 tahun tersebut mencipta sensasi apabila memenangi pingat emas, mengetepikan pelumba Taiwan dan India.

Perkembangan positif itu dikongsikan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) menerusi hantaran di laman Instagram badan induk itu.

Pada awalnya, catatan masa dilakukan Sawda diumumkan sebagai rekod Asia, namun dengan pengiktirafan baharu itu meletakkannya sebagai pelumba terbaik dunia dalam acara 1 km ujian masa remaja wanita.

Tempat kedua dengan catatan masa 1:11.936s diraih pelumba Taiwan, Liu Shang Ying manakala Harshita Jakhara dari India pula meraih gangsa (1:12.848s).

Paling manis, kejayaan dicipta Sawda merupakan penebus kekecewaan selepas gagal mencapai keputusan yang diinginkan dalam acara keirin baru-baru ini.



SAWDA memperoleh pingat emas dengan mengetepikan pelumba Taiwan dan India.

“Saya kecewa dengan keputusan sebelum ini, tetapi saya tidak mahu berputus asa. Saya berusaha keras untuk bangkit dan alhamdulillah, saya berjaya melakukannya,” jelas Sawda ketika mengulas kejayaan diraihnya.

Tambah Sawda, kemenangan emas itu dijadiakannya sebagai pembakar semangat untuk perlumbaan seterusnya. Terdahulu PKBM memberitahu,

kejayaan dilakar Sawda membuktikan Malaysia terus melahirkan pelumba berbakat yang mampu bersaing di peringkat tertinggi.

“Teruskan perjuangan dan harumkan nama negara,” tegas PKBM yang nyata berbangga dengan rekod dunia dicatatkan Sawda serta kejayaan pelumba-pelumba lain negara dalam kejohanan ATC 2025 itu. 

11 pingat e-sukan di Sukan Asia

MAJLIS Olimpik Asia (OCA) mengumumkan senarai 11 acara sukan elektronik (e-sukan) yang akan dipertandingkan pada Sukan Asia ke-20 di Aichi-Nagoya, Jepun pada 2026.

Pengumuman itu dibuat susulan mesyuarat tergempar dalam talian Lembaga Eksekutif OCA yang sebulat suara meluluskan penyertaan acara tersebut bagi Sukan Asia 2026.

Acara itu ialah Competitive Martial Arts (Berpasukan), Pokemon Unite, Honor of Kings, League of Legends, PUBG Mobile (Versi Sukan Asia), Mobile Legends: Bang Bang, Identity V (Versi Sukan Asia), Naraka: Bladepoint, Gran Turismo 7, Efootball Series dan Puyo Puyo Champions.

Ini menandakan kesinambungan kehadiran e-sukan yang semakin berkembang di Sukan Asia.

Kali pertama diperkenalkan sebagai sukan demonstrasi pada Sukan Asia ke-18 di Jakarta-Palembang pada 2018, e-sukan diiktiraf secara rasmi sebagai sukan menawarkan pingat di Sukan Asia Hangzhou 2023 dengan tujuh acara dipertandingkan.

Sukan Asia ke-20 dijangka berlangsung dari 19 September sehingga 4 Oktober 2026. 

Siti teruja anak bakal jalani ibadah puasa

BIDUANITA negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** teruja anak sulungnya Siti Aafiyah, 7, bakal menjalani ibadah puasa buat pertama kalinya tahun ini.

Oleh kerana Aafiyah sangat cerewet dalam bab makan, Siti rancak memikirkan menu yang ingin dihidangkan buat puterinya itu untuk bersahur dan berbuka puasa.

Kongsi Siti mungkin dia akan menyediakan nasi pada waktu sahur agar Aafiyah tidak lapar sepanjang berpuasa.

“Sebagai persiapan untuk Ramadan pertama Aafiyah, saya dah kena fikirkan menu-menu sahur dan berbuka untuk Aafiyah.

“Aafiyah agak cerewet dan memilih dalam soal makan. Mungkin ketika dia kecil saya terlalu menjaga pemakanannya hingga dia menjadi cerewet.

“Tapi Aafiyah sukakan masakan rumah, dia lebih berselera makan di rumah berbanding di kedai. Makanan kegemarannya lebih kepada menu barat, berbeza dengan adiknya Afwa yang lebih sukakan masakan Melayu

terutama sekali paha ayam goreng,” kongsi Siti Nurhaliza.

Sementara itu ditanya apakah dia mempunyai perancangan untuk menunaikan umrah kali ini memandangkan setiap tahun penyanyi nombor satu negara itu pasti menjejakan kaki ke Tanah Suci Mekah setiap kali Ramadan.

Kata Siti dia mempunyai perancangan untuk menunaikan umrah pada akhir Ramadan seperti mana yang sering dilakukan saban tahun.

Bagaimanapun dia akan berbincang dengan suaminya yang juga usahawan Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa.

“Biasanya memang saya akan pergi bersama suami tetapi kami akan berbincang kembali kerana suami selalunya tak sampai hati tinggalkan anak.

“Seperti sebelum ini, suami akan mengalah. Dia minta saya pergi bersama kakaknya atau bersama kakak ipar saya Rozie.

“Memang kalau boleh setiap tahun saya ingin tunaikan umrah pada bulan

Ramadan. Siapa yang pernah tunaikan umrah pasti tahu macam mana rasa rindu untuk ke sana lagi,” kata Siti lagi.

Katanya kerinduan untuk ke Tanah Haram sukar untuk diungkap dengan kata-kata.

“Dengan kelebihan rezeki diberikan, bagi saya tidak salah sekiranya seseorang itu nak pergi banyak kali.

“Mungkin dia sudah memasang niat atau berjanji kepada Allah dengan kurniaan rezeki yang diberikan.

“Apatah lagi nikmat malam 10 malam terakhir itu memang tak tergambarkan. Lebih-lebih lagi dalam mencari lailatulqadar.

“Gandaan pahala juga tak sama seperti di sini dan itu juga adalah ‘metime’ untuk saya menumpukan sepenuh perhatian kepada ibadah semata-mata dan lupakan seketika hal duniawi setelah sepanjang tahun sibuk dengan macam-macam perkara,” katanya. 

SITI NURHALIZA melahirkan rasa teruja apabila anaknya, Siti Aafiyah bakal menjalani ibadah puasa buat pertama kalinya tahun ini. - Gambar blackpepperproductionmy



EVOLUSI DUA DEKAD JACLYN VICTOR

SERIMAH SALLEHUDDIN

MERENCANA perjalanan seni agar terus kekal relevan serta mampu bertahan lama bukan sesuatu yang mudah.

Jaclyn Joshua Thanaraj Victor, penyanyi bervokal tinggi yang memahat usia dua dekad dalam kalendar seni pada tahun ini, mengakui dia sendiri tidak menyangka masih relevan hingga ke hari ini.

Dikenali dengan nama pentas, **Jaclyn Victor**, wanita asal Kuala Lumpur itu menyifatkan tempoh 20 tahun sebagai satu perjalanan yang panjang.

Dia yang juga juara Malaysian Idol 2004 berkata sepanjang tempoh itu, dia dapat melihat beberapa fasa evolusi yang berlaku terhadap industri muzik.

“Bagi saya 20 tahun adalah satu perjalanan yang sangat istimewa, bukan senang untuk berada selama ini dalam industri.

“Selepas Malaysian Idol, saya hanya menyerahkan perjalanan karier seni pada takdir. Namun saya bangga, biarpun dengan kehadiran ramai penyanyi baru tapi nama saya masih kekal di sini.

“Perjalanan seni saya disusun dengan mudah. Memang tidak semua yang indah, tapi saya

bersyukur kerana ia tidak terlalu berliku,” katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran album baharunya berjudul Glorious.

Album kelapan itu diterbitkan syarikat milik Jaclyn sendiri Rag Doll Records, atas saranan dua sahabat baiknya yang menetap di New York.

Mereka turut bertindak selaku komposer dan penulis lirik untuk tujuh daripada sembilan lagu dalam Glorious.

“Dua rakan saya itu yang memberi cadangan supaya saya tampil dengan album baru bagi meraikan ulang tahun ke-20 dalam bidang ini.

“Glorious terlalu istimewa yang saya anggap seperti bayi kerana saya terbabit secara langsung dan semua keputusan saya yang tentukan.

“Saya keluaran bajet sendiri dan pemilihan lagu juga dibuat sendiri dengan bantuan dua rakan berkenaan.

“Walaupun kos untuk terbitkan album ini bukan sedikit tetapi saya puas kerana Glorious adalah apa yang saya mahukan selama ini,” kata Jaclyn yang berulang ke New York, Amerika Syarikat untuk merakamkan lagu dalam album itu.

Glorious memuatkan sembilan trek lagu dan menerusi album itu, dia merakamkan kembali lagu Gemilang yang diberikan judul Glorious.

Menurut Jaclyn lagu Gemilang

berasal daripada lagu Inggeris tetapi dialih kepada bahasa Melayu.

Sudah lama Jaclyn berhasrat untuk merakamkan Gemilang ke versi bahasa Inggeris tetapi pemilik lagu itu Aubrey Suwito tiada masa untuk merakamkan kembali disebabkan jadualnya yang sibuk.

“Saya pernah cadangkan kepada Aubrey 10 tahun lalu untuk merakamkan Gemilang dalam versi bahasa Inggeris, tapi dia tiada masa.

“Bagaimanapun Aubrey memberikan lampu hijau sekiranya saya ingin rakamkan sendiri.

“Saya mahu rakamkan Gemilang ke dalam bahasa Inggeris kerana lagu itu berpotensi untuk pergi jauh.

“Sekarang ini kita ada banyak platform seperti TikTok, Instagram, YouTube, Spotify dan sebagainya untuk mempromosikan lagu. Sedangkan lagu Korea pun boleh diterima, jadi saya optimis ia juga boleh berlaku kepada Glorious,” katanya lagi.

Selain Glorious, album itu turut memuatkan lagu Racun, Airmataku, Inilah Saatnya, Kembalilah, B.D.T, Sesal Tak Bermakna, Kejutkan Aku dan Lepaskan Saja.

Album Glorious kini boleh didengari di kesemua platform penstriman utama seperti Spotify, Joox, Apple Music dan YouTube Music. 





Beri peluang jemaah imarah masjid dengan tersusun

TAZKIRAH SELEPAS TARAWIH

AZLAN ZAMBRY

RAMADAN menjelma lagi dan sudah tentu masjid-masjid akan penuh dengan jemaah yang mahu beriktikaf khususnya menunaikan solat sunat tarawih pada sebelah malamnya.

Ramadan bulan yang mulia dan ia mengandungi 1,001 rahmat dan keberkatan dengan pahala amal digandakan.

Pada malam-malamnya 'tersembunyi' lailatulqadar, malam yang lebih baik daripada 1,000 bulan.

Matlamat utama puasa di bulan Ramadan adalah mencapai sifat takwa, iaitu berbalik kepada asas agama, taat melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan Allah SWT.

Pada bulan ini juga, pelbagai majlis ilmu diadakan, termasuk sesi tazkirah, baik selepas solat Zuhur mahupun selepas Asar.

Biarpun begitu, ada juga pihak pengurusan masjid mahupun surau sebelum ini menyelitkan program tazkirah di sela-sela tarawih mahupun selepas solat Isyak.

Malah sebelum ini tular kerana tazkirah disampaikan dalam masa yang terlalu lama di pertengahan solat tarawih.

Ia menimbulkan rasa kurang senang jemaah terutama yang akan bekerja pada keesokan harinya.

Untuk itu di peringkat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), mereka menyarankan agar penyampaian tazkirah dilaksanakan selepas solat tarawih dan witr sepanjang bulan Ramadan.



HANIFFUDDIN



JAWI turut menekankan kepentingan memastikan penceramah mematuhi garis panduan ditetapkan.

Ini bagi memberi peluang kepada jemaah untuk mengimarahkan masjid dan surau di Wilayah Persekutuan dengan tersusun.

Pengarah JAWI, **Haniffuddin Roslan** berkata cadangan ini adalah sebahagian daripada usaha memastikan program keagamaan di masjid dan surau berjalan dengan lebih baik serta memberi manfaat kepada jemaah.

"JAWI telah mengeluarkan surat pengesyoran pada 12 Februari lalu sebagai rujukan kepada semua Pengerusi

Jawatankuasa Masjid, Surau Jumaat dan surau di Wilayah Persekutuan.

"Antara yang digariskan dalam surat tersebut adalah pelaksanaan tazkirah selepas solat tarawih dan witr bagi memastikan jemaah dapat mengikuti sesi pengisian rohani dengan lebih tenang," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Haniffuddin, pihaknya turut menekankan kepentingan kepada pentadbir serta jawatankuasa masjid dan

surau bagi memastikan penceramah yang menyampaikan tazkirah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

"Semua penceramah perlu mendapat tauliah yang sah daripada pihak berkuasa agama bagi mengelakkan penyebaran ajaran yang tidak selari dengan Islam.

"JAWI tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang menyampaikan tazkirah tanpa tauliah dan mereka yang melanggar peraturan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta 559 Seksyen 11 (1).

"Kesalahan ini boleh membawa hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali," tegasnya.

Beliau menegaskan bahawa setiap Pemegang Tauliah Mengajar di Wilayah Persekutuan telah diingatkan oleh watak pelantikan yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan supaya tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan keharmonian.

"Pelanggaran kepada perkara ini boleh menyebabkan seseorang itu hilang kelayakan untuk mengajar dan ditarik tauliahnya," katanya.

Menurut Haniffuddin pihaknya turut menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan tazkirah yang disampaikan tidak mengandungi unsur ekstremisme, fahaman sesat atau elemen politik yang boleh menjejaskan perpaduan umat Islam.

"Kami mempunyai mekanisme pemantauan tersusun yang melibatkan Bahagian Penguatkuasaan JAWI, Pegawai Tadbir Agama Zon (PTAZ) serta medium aduan awam melalui pautan aduan@JAWI.gov.my," tambahnya.

Jelas beliau pihaknya berharap langkah ini dapat memperkukuh penghayatan Ramadan dalam kalangan umat Islam serta memastikan pengisian rohani di masjid dan surau terus memberi manfaat kepada masyarakat. 



SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

